

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 13 DAN 14 OGOS 2008

bersamaan

11 DAN 12 SYAABAN 1429

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

PERSIDANGAN

HARI RABU,

13 OGOS 2008

**Hari RABU,
13 OGOS 2008**

KANDUNGAN

- | | | |
|----|--|--------------|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | [Muka 1] |
| 2. | Doa. | [Muka 5] |
| 3. | Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. | [Muka 5] |
| 4. | Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan. | [Muka 6] |
| 5. | Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | 5.1. <i>Soalan-soalan Bertulis</i> | [Muka 6] |
| | 5.2. <i>Soalan-soalan Lisan</i> | [Muka 8] |
| 6. | Usul Yang Telah Diberi Notis: | |
| | <i>Kumpulanwang Pendahuluan Motosikal Negeri</i> | [Muka 48] |
| | | [Bersambung] |

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertama-tamanya marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Insyallah, Persidangan kali ini merupakan Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. Dewan kali ini akan bersidang selama dua (2) hari iaitu pada hari ini 13 dan besok, 14 Ogos 2008.

Persidangan pada hari ini, 13 Ogos 2008 akan diteruskan dengan pembentangan Kertas-kertas Kerja dan diikuti dengan sesi Soalan-soalan Bertulis dan Lisan. Bagi Soalan-soalan Lisan, seperti biasa diperuntukkan soalan-soalan tambahan mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5) hanya dibenarkan tiga soalan sahaja bagi setiap soalan utama. Oleh kerana mesyuarat kali ini pihak pentadbiran Dewan hanya menerima satu usul sahaja dan tiada pembentangan Rang Undang-Undang, maka mesyuarat pada hari ini akan ditangguhkan sebaik sahaja selesai pembentangan usul nanti. Manakala keesokan harinya 14 Ogos 2008 akan ditangguhkan sebaik sahaja selesai sesi Soalan-soalan Lisan.

Saya mengharapkan kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semoga Persidangan kali ini akan terus berjalan dengan lancar, teratur, bertertib dan harmoni serta menjaga nama baik Dewan yang mulia ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Disatukan Tahun 2006 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 8/2008)

2. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Perbandaran Kemaman.

(D.U.N. Bil. 9/2008)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad (Wakil Hulu Besut)
2. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib (Wakil Manir)
3. Y.B. Haji Ramlan bin Ali (Wakil Jabi)
4. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Wakil Batu Burok)

5. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Wakil Rhu Rendang)
6. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut (Wakil Wakaf Mempelam)
7. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail (Wakil Kuala Berang)
8. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar (Wakil Ladang)
9. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Wakil Sura)
10. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak (Wakil Bukit Tunggal)
11. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah (Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita kemukakan Soalan-soalan Lisan, elok saya maklumkan bahawa dalam Persidangan kita pada pagi ini empat Ahli kita sedang bercuti iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Rosol bin Wahid (Wakil Ajil), Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Wakil Jerteh), Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Wakil Rhu Rendang) dan Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Wakil Batu Burok).

Untuk Soalan-soalan Lisan pada kali ini kita pada pagi ini menerima 15 soalan dan untuk memberi keadilan saya membuat keputusan awal bahawa kita beri peluang pada pusingan yang pertama ini kepada soalan-soalan yang pertama sahaja. Insya Allah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya jawapan yang diberi oleh Wakil Kerajaan telahpun jelas saya rasa tidaklah payah kita berpanjangan dengan soalan-soalan tambahan kerana kita boleh jimatkan masa dan teruskan dengan memberi peluang kepada soalan-soalan yang lain untuk dijawab oleh pihak Kerajaan.

Di dalam sidang pada pagi ini jugak kita ingin mengucapkan Selamat Datang serta mengalu-alukan kedatangan Pemerhati-pemerhati terutamanya kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu seramai 102 pelajar. Yang kedua, kepada Ahli-ahli Kelab Setia Daerah Dungun di bawah naungan Pejabat Penerangan Daerah Dungun seramai 40 orang serta Pemerhati-pemerhati individu yang bersama-sama kita pada pagi ini. Kita harap insya Allah sepenuhnya manfaat dapat digunakan di dalam Persidangan kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memulakan sidang saya dengan sukacitanya menjemput soalan pertama, Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, Wakil Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua serta Ahli Dewan, soalan saya yang pertama –

Kenaikan harga minyak bulan Jun 2008 telah menyebabkan kenaikan harga barang, berapakah kadar kenaikan inflasi berbanding Jun 2008 dan Ogos yang telah berlaku di Terengganu?

YANG BERTHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrahil-alamin. Wassalatuwassalamu ala-

asyrafilanbia iwamursalin Sayyidina Muhammad wa-ala-alihi wassahbihi ajmain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan Negeri dan Persekutuan, Dato'-Dato', To' Puan-To' Puan, dif-dif Jemputan, para-para Pemerhati Persidangan, para media terlibat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Merujuk kepada kenaikan harga minyak petrol dan diesel yang telah diumumkan oleh Kerajaan berkuat kuasa 5hb Jun 2008 dan kenaikan harga beras yang berlaku sebelum itu iaitu pada bulan Mei 2008 ianya telah menyebabkan kenaikan harga barang secara mendadak. Indeks Harga Pengguna (IHP) iaitu indeks yang mengukur perubahan harga bagi sekumpulan barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isi rumah telah didapati meningkat akibat kenaikan harga beras dan bahan bakar ini iaitu petrol dan diesel. Indeks Harga Pengguna telah meningkat sebanyak 3.7 peratus bagi tempoh perbandingan di antara Januari hingga Jun 2007 dan tempoh Januari hingga Jun 2008 iaitu meningkat daripada 105.3 kepada 109.0. Perbandingan bagi bulan yang sama iaitu antara Jun 2007 dan Jun 2008, Indeks Harga Pengguna telah meningkat sebanyak 7.7%. Manakala perbandingan Jun 2008 dengan bulan sebelumnya iaitu Mei 2008, Indeks Harga Pengguna telah meningkat sebanyak 3.9%.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, jadi mengikut data-data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar inflasi Negeri Terengganu bagi bulan Jun 2008 ialah sebanyak 8.6%. Manakala perangkaan bagi bulan Julai dan Ogos 2008 belum lagi dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar inflasi bagi bulan Mei 2008 ialah sebanyak 4.1%. Oleh itu, dengan membandingkan kadar inflasi di antara bulan Mei dan bulan Jun 2008 maka kadar inflasi Negeri Terengganu telah meningkat sebanyak 4.5%. Sekian dimaklumkan kepada Dewan untuk menjawab soalan pertama daripada Yang Berhormat Wakil Hulu Besut. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Daripada penerangan Kerajaan tadi, ternyata harga barang terpaksa ditanggung oleh rakyat Negeri Terengganu. Saya membaca buku yang telah dihantar oleh UPEN, Data Asas Negeri Terengganu menyatakan pendapatan rakyat Terengganu pada tahun 2007 ialah RM2,400 lebih sebulan. Apabila kenaikan ini berlaku bermakna rakyat kita menghadapi masalah kuasa beli oleh rakyat kita. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang Kerajaan lakukan untuk memastikan kuasa beli rakyat ini boleh terus berkembang. Apa lagi saya ini Wakil Rakyat kampung, saya mengatakan kesan daripada ini apabila ramai

rakyat kampung berjumpa dengan saya, kalau sebelum ini yuran PIBG mereka dapat bayar, apabila harga naik mereka pergi jumpa Wakil Rakyat mengatakan yuran PIBG masih tak terbayar lagi. Jadi saya ingin tahu kalau 2007 RM2,400 pendapatan isi rumah lebih kurang, data yang diberi oleh UPEN, tahun ini saya dengar duit rayanya saya dengar akan diberi kepada mereka yang berpendapatan RM1,500 ke bawah. Suka juga saya cadangkan kalaulah boleh tahun ini kita beri semua kepada isi rumah di Negeri Terengganu kerana kesan kenaikan harga barang ini, apakah lain-lain langkah yang mungkin dibuat oleh kerajaan?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, akibat daripada kenaikan harga minyak beberapa langkah telah dibuat oleh Kerajaan untuk membantu. Dalam menjawab soalan tambahan ini saya rasa ia juga menjawab soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Wakil Sura.

Tuan Yang Dipertua, bagi membantu rakyat akibat kesan kenaikan harga beras dan minyak yang telah berlaku dan bagi membendung inflasi Kerajaan Negeri Terengganu. Beberapa langkah telah dikenal pasti, di antaranya meningkatkan kawasan penanaman padi 2,000 hektar di Setiu telah dikenal pasti dan 2,000 hektar di kawasan KETARA juga telah dikenal pasti. Aktiviti menggalakkan rakyat berbelanja secara berhema di dalam kempen-kempen juga telah diadakan supaya mengelakkan pembaziran. Kerajaan Negeri juga akan melancarkan Kempen Bumi Hijau di peringkat negeri bertujuan menggalakkan rakyat menanam keperluan masing-masing seperti sayur-sayuran. Jabatan Perikanan juga akan meningkatkan stok perikanan dengan menambah bilangan tukun tiruan dan ini akan meningkatkan pengeluaran hasil tangkapan dan seterusnya mengurangkan import ikan daripada luar. Melalui Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu, beberapa langkah telah diambil untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat. Di antaranya ialah:

- (i) Pemberian subsidi oleh Kerajaan ke atas barang kawalan seperti gandum, gula, petrol, diesel, minyak masak, roti, beras import dan LPG.
- (ii) Mengadakan kempen-kempen yang mana telah disertai oleh pasaraya-pasaraya The Store, Giant Hypermarket, Mydin Hypermarket bagi menurunkan harga barangan keperluan.
- (iii) Pemberian subsidi diesel melalui penggunaan Fleetcard kepada syarikat-syarikat pengangkutan termasuk lori kargo, bas dan nelayan laut dalam serta pesisir pantai bagi mengurangkan kos pengangkutan.

- (iv) Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memberikan kebenaran dan mengalu-alukan premis-premis perniagaan mengadakan jualan murah bagi meringankan beban rakyat.
- (v) Mengadakan pemeriksaan perniagaan yang menyeluruh di Negeri Terengganu bagi memastikan harga dan barangan keperluan harian tidak dinaikkan sewenang-wenangnya dan mencukupi untuk rakyat Terengganu dan harga ini adalah pada kadar yang munasabah.
- (vi) Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga mengadakan kempen-kempen serta ceramah-ceramah kepenggunaan bagi melahirkan masyarakat peniaga yang beretika.
- (vii) Pemberian rebet tunai sebanyak RM150 bagi kenderaan motosikal yang kurang daripada 250 cc. Kenderaan persendirian kurang daripada 2000 cc diberi rebet sebanyak RM625 telah diberikan. Kenderaan Pick-up dan jip yang kurang 2500 cc diberi rebet sebanyak RM625.
- (viii) Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dengan membuat pengurangan Cukai Jalan kepada motosikal lebih 250 cc kepada RM50 setahun dan kenderaan persendirian lebih 2000 cc kepada RM200 setahun. Langkah seterusnya ialah pemberian bantuan tunai sektor nelayan dan bot penumpang sungai yang diberi kepada pemilik dan pekerja vesel rakyat Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan di mana diberikan RM200 sebulan dan pemilik rakyat Malaysia berdaftar dengan Jabatan Perikanan diberi sebanyak 10 sen bagi setiap kilo hasil tangkapan mereka. Manakala bagi pemilik bot penumpang sungai diberi sebanyak 10 sen seliter berdasarkan kuota yang diluluskan kepada mereka.
- (ix) Mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal sepanjang masa oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri.

Itulah di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sebagai menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Hulu Besut dan soalan daripada ADUN Sura. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu lagi. Di Besut kalau orang kampung nak bekwah ataupun nak menggulai dia kata kalau nak beri barang lebih pergi beli

ke Pasir Putih lebih murah, maknanya harga di Kelantan lebih murah daripada harga di Besut. Saya juga pergi ke Kemaman ada orang kampung saya duduk di Felda Kertihpun begitu. Dia kata harga barang lebih murah di Kuantan berbanding di Kemaman. Jadi apakah langkah yang dikatakan tadi oleh Kerajaan tidak berkesan mananya di sini. Jadi apakah langkah-langkah ataupun apakah sebabnya di Kelantan lebih murah daripada harga di Terengganu?

YANG BERTHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat ADUN Hulu Besut. Untuk menjawab soalan ini saya tidak mempunyai senarai harga yang membandingkan antara tiga negeri, Terengganu, Kelantan mahupun Pahang. Jadi ini adalah mungkin cakap-cakap ataupun pendapat yang hanya sebagai persepsi menyatakan harga barang di Negeri Terengganu adalah lebih tinggi dari Negeri Kelantan mahupun Pahang. Jadi kalau Yang Berhormat Wakil Hulu Besut benar-benar ingin maklum balas ini, saya harap mungkin boleh diberi notis saya akan buat kajian semula dari segi harga, senarai barang di Negeri Terengganu mahupun di Kelantan dan di Pahang mudah-mudahan ini dapat menjawab soalan. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat telahpun menjawab tadi, penguatkuasaan akan ditingkatkan. Jadi mintak Yang Berhormat Hulu Besut buat laporan mengenai barangan yang berkenaan. Saya rasa jelas ya?

YANG BERTHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu, ringkas sahaja Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya agak terasa bila jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan yang menyatakan bahawa pada bulan Mei harga beras naik, pada bulan Jun harga minyak naik dan pada bulan Julai tarif elektrikpun naik. Kesan inflasi naik mendadak daripada 4.8% sehingga 8.6% di Negeri Terengganu. Saya nak tanya pihak Kerajaan

berhubung dengan kesan inflasi dan kenaikan harga barang ini terhadap jumlah penduduk negeri dan peratus kemiskinan, kadar kemiskinan di Negeri Terengganu banyak mana meningkat daripada angka sebelum daripada ini?

YANG BERTHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Ekoran daripada kenaikan harga beras, harga minyak dan tarif elektrik yang dikatakan akan naik. Jadi perkara ini berlaku di dalam tempoh yang singkat di mana beras naik bulan Mei, minyak naik bulan Jun dan Julai tarif elektrik akan naik. Jadi untuk mengetahui jumlah sebenar kadar kenaikan mereka yang terlibat dalam kemiskinan ataupun kadar kemiskinan dalam tempoh 3 bulan ini saya tidak dapat menjawab secara tepat. Walau bagaimanapun, senarai kemiskinan baik daripada kemiskinan biasa dan kemiskinan tegar sudahpun diedarkan oleh UPEN untuk peringkat negeri. Kalau Yang Berhormat ingin mendapat jumlah mereka yang masuk di dalam garis kemiskinan akibat daripada kenaikan bahan-bahan asas ini dan tarif elektrik ini mungkin kita dapat buat kajianlah dalam tempoh yang tersebut itu supaya dapat diberikan statistik yang sebenar kepada Yang Berhormat. Sekian, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang kedua, sila Manir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama -

Apakah kewajarannya Kerajaan Negeri Terengganu membeli 14 buah kereta Mercedes Benz model E200 Kompresor sebagai ganti Proton Perdana V6 Executive?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati-pemerhati sekalian. Sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ADUN Manir bersekali dengan soalan ADUN Batu Burok kerana ia merupakan soalan yang sama.

Kerajaan Negeri merasakan adalah wajar untuk menggantikan Perdana V6 Executive dengan Mercedes Benz Model E200 Kompresor iaitu siri yang terkecil dalam siri Mercedes berasaskan perkara-perkara berikut:

- (i) Kos penyelenggaraan yang terlalu tinggi yang terpaksa dipikul oleh Kerajaan Negeri berbanding dengan Mercedes E200 Kompresor.
- (ii) Penggunaan minyak yang lebih ekonomik, lebih rendah E200 Kompresor berbanding dengan Perdana V6 Executive.
- (iii) Mempunyai ciri-ciri keselamatan jauh lebih tinggi berbanding Perdana V6 Executive.
- (iv) Mempunyai jangka hayat lebih panjang berbanding Perdana V6 Executive.
- (v) Mempunyai nilai kereta terpakai (second hand value) yang jauh lebih tinggi berbanding Perdana V6 Executive.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jika benar-benar ciri ataupun yang disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi mengapa mendapat halangan dan rintangan daripada pihak-pihak lain?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebenarnya dia bukan halangan tetapi saya hendak beritahu bahawa keputusan Exco Negeri juga macam keputusan Kabinet. Bagi Negeri Exco adalah kuasa tertinggi bagi membuat sesuatu keputusan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, bagaimana kedudukan kereta-kereta itu pada hari ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan yang kedua ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kereta itu dipakai oleh semua Exco yang berkenaan kerana kereta Perdana V6 masih di dalam simpanan pihak BPR untuk siasatan lanjut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, berasa nak pakai retek ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau saya nak beli boleh, ada pitih, tak payah pakai kereta itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jawab hak tu dulu (dalam gelak).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, tak ada soalan dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan ada, saya jawab hak dia tanya dulu. Saya ada soalan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, tanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berapa lamakah dijangka kereta Proton tu ditahan dan dipenjara? (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat kena betulkan 'dipenjara' tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjara tu tidaklah Dato' Yang Dipertua tapi ditahan untuk siasatan dan kereta ini kita pakailah takdok masalah sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey kita terus

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, cukup Yang Berhormat, 3 soalan tambahan dah lebihpun. Saya jemput Wakil Jabi untuk soalan ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan pertama -

Berapakah jumlah Ibu Tunggal yang berjaya dibimbing oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu (YPK) bermula Januari sehingga Julai 2008?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada ADUN Jabi atas soalan yang dikemukakan.

Untuk jawapannya, jumlah Ibu Tunggal yang berjaya dibimbing oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu setakat ini dalam tempoh bermula Januari sehingga Julai 2008 adalah seramai 539 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Kelab Ibu-ibu Tunggal di Negeri Terengganu telah diwujudkan, berapa banyakkah bantuan yang telah diberikan kepada Kelab-kelab Ibu Tunggal untuk menjayakan program-program tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, jawapan tepat saya tidak dapat kemukakan dalam Dewan ini kerana memerlukan notis yang lebih awal tapi yang dapat saya yakinkan bahawa semua DUN sudah ditubuhkan Kelab Ibu Tunggal di bawah pengawasan Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu dan bantuan-bantuan sudahpun diagih-agihkan mengikut keperluan DUN-DUN yang berkenaan dan setakat ini dua bentuk bantuan yang disediakan. Yang pertamanya, bantuan yang berupa mengendalikan kursus-kursus, seminar dan sebagainya. Dan yang keduanya ialah bantuan secara langsung untuk meningkatkan ekonomi ahli-ahli Ibu Tunggal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua. Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan. Daripada kes-kes Ibu Tunggal yang muda, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu sistem Ibu-ibu Tunggal ini boleh dijadikan pengasuh kepada keluarga-keluarga untuk menggantikan penempatan warga asing terutamanya?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya apa yang dicadangkan ataupun ditanya oleh Yang Berhormat ADUN Jabi merupakan di antara kursus-kursus yang disediakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga setakat ini dan untuk makluman Dewan memang angka Ibu Tunggal muda memang agak ramai di Negeri Terengganu dan yang paling

mengejutkan saya apabila melihat angka yang dikemukakan terdapat seramai 11 orang Ibu Tunggal yang berumur di bawah 20 tahun.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 11 orang Yang Berhormat, 11 orang sahaja?

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): 11 orang sahaja yang berumur di bawah 20 tahun tetapi yang berumur di antara 21 hingga 30 tahun bilangannya agak ramai iaitu 927 orang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak Yang Berhormat Jabi sama-sama membantulah.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan tapi 11 orang tu mungkin untuk Exco aje tu cukuplah(Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, tidak ada soalan tambahan lagi? Saya jemput terus kepada Wakil Tepoh, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Benarkah satu daerah baru iaitu Daerah Kuala Terengganu atau Kuala Nerus akan diwujudkan dan sekiranya benar, sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi maksud mewujudkan daerah baru tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan/Wakil yang ketujuh Tepoh, Yang Amat Berhormat. Sila jawab.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu kajian secara terperinci akan dilaksanakan mengenai status cadangan dan pandangan tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Yang Amat Berhormat menyebutkan tadi satu kajian terperinci sedang dijalankan, saya mohon untuk mendapatkan berapakah tempoh ataupun had masa cadangan tersebut dapat direalisasikan dan apakah benar Daerah Baru Kuala Terengganu Utara ataupun Kuala Nerus ini bakal diwujudkan ataupun tidak? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ianya berdasarkan kajian yang dibuat. Yang kedua, jangka tempoh masa tidak boleh dinyatakan sekarang kerana ia berkaitan dengan Akta 343 iaitu Persempadanan Semula Pilihanraya yang dibuat setiap 8 tahun sekali. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar cuma saya lihat kepada persoalan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parlimen Kuala Nerus sebelum ini dalam penggal yang lepas, antara lainnya kita pernah memohon supaya diwujudkan satu PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan yang baru, ataupun Majlis Perbandaran, atau Majlis Daerah yang baru tapi kita difahamkan desakan tersebut tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan dan satu penggal sudah kita berbincang perkara tersebut. Saya ingat kajian ini sudah terlalu lama kajian dibuat, sedar atau tidak pihak Kerajaan kita sebenarnya di Daerah Kuala Terengganu pada hari ini kita ada seorang D.O. terpaksa melayani 17 orang Wakil Rakyat, 5 Parlimen dan 12 DUN terpaksa melayan. Dan jugak di Kuala Nerus sendiri antara Parlimen yang paling ramai pengundi dan pembangunan yang cukup banyak, apakah dalam tempoh yang terdekat kewujudan Daerah Kuala Terengganu Utara, Kuala Nerus ini tidak dapat untuk diberikan penekanan supaya rakyat di kawasan Kuala Nerus atau Kuala Terengganu Utara ini dapat merasakan adanya peluang untuk kewujudan daerah tersebut.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebenarnya semasa saya menjadi Exco saya yang menolak idea untuk menubuhkan PBT dan saya juga yang mencadangkan supaya satu daerah baru diwujudkan. Jadi kalau dulu saya sebagai Exco, alhamdulillah hari ini saya sebagai Menteri Besar saya percaya bahawa sudah tentu ada terowong di hujung sana, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya ingat jelas dah tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, hak tu nak dengar sebenarnya sebab Menteri Besar dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya menjemput Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Berapakah jumlah Pakej Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dan sila nyatakan jumlah kos setiap pakej tersebut serta bila dijangka siap?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam saudara saya yang telah ingin tahu mengenai pakej pembinaan Lebu Raya Pantai Timur (LPT) dan jumlah kos setiap pakej serta bila dijangka siap Projek LPT?

Jadi alhamdulillah, pakej pembinaan Lebu Raya Pantai Timur LPT adalah sebanyak 17 pakej di mana kos setiap pakej adalah sebagaimana saya nyatakan iaitu:

| Pakej | Kos Pembinaan (RM) | Jangka Siap |
|-------|--------------------|--------------------|
| 1A | 47.5 juta | September 2009 |
| 1B | 40.7 juta | Januari 2010 |
| 1C | 94.7 juta | Julai 2010 |
| 2 | 191 juta | 26.2.2009 |
| 3 | 169 juta | Disember 2009 |
| 4 | 64 juta | Disember 2009 |
| 5A | 148 juta | Oktober 2009 |
| 5B | 68 juta | Mei 2009 |
| 6 | 85 juta | November 2009 |
| 7 | 144.5 juta | Ogos 2009 |
| 8 | 13 juta | Jun 2009 |
| 9A | 168 juta | Oktober 2009 |
| 9B | 59 juta | Jun 2009 |
| 9C | 90 juta | Ogos 2009 |
| 11 | 57.9 juta | Hampir siap (2008) |
| 12 | 38 juta | Akhir 2008 |

Itulah kedudukan pakej-pakej serta kos-kos dan jangkaan masa yang dijangka siap oleh pemaju-pemaju, pemborong-pemborong terlibat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya tak sempat nak kiralah pasal banyak sangat pakej tu, cuma saya nak tanyanya berapa kos keseluruhan Projek LPT ini dan adakah dijangka oleh kerana

dikatakan sekarang ini kos pembinaan dah naik dengan kos macam-macam naik, adakah dijangka yang belum siap itu akan melibatkan jugak kos-kos tambahan?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, kos keseluruhan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) ini yang melibatkan panjangnya lebih kurang 187 kilometer di mana kos keseluruhannya adalah RM2.97 bilion. Manakala masalah barang-barang yang dikatakan naik dan sebagainya dan barang memang sentiasa naik itu setakat hari ini tidak timbul rungutan daripada kontraktor-kontraktor terlibat. Alhamdulillah, mereka ini rasanya mungkin dengan harga yang telah ditawarkan sebagaimana yang ditender mungkin tidak menimbulkan masalah kepada mereka setakat hari ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya RM2.97 bilion ini dah pakai duit mana? Duit Dana Khas ke duit Persekutuan?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat hari ini kita dok tahu pitih Ringgit Malaysia itu duit Persekutuan ke, duit Dana ke cuma yang kita tahu daripada Kerajaan Pusat, itu aje terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa ini suatu jawapan yang tidak bertanggungjawab. Kita kena tahu kalau projek itu projek Pusat ke

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduk dulu, duduk. Nak jawab guana lagi, Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang ketiga Yang Berhormat, yang ketiga kalau ada.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya masih nak tanya, nak mintak penjelasan soal soalan saya yang kedua tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah dijawab Kerajaan Persekutuan disebut tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi duit ini duit daripada Kerajaan Persekutuan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuma disebut pitih aje tu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam mana?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pitih daripada Kerajaan Persekutuan, duitlah tu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duit daripada Kerajaan Persekutuan tidak melibatkan Dana Khas begitu? Saya nak mintak pengesahan kerana ini menjadi isu

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Projek ini projek Persekutuan duitnya mestilah daripada Kerajaan Persekutuan, jadi duit ini dia tak nyata, dia tak tulis duit itu dari Dana ke, dari apa ke tak tulis. Itu aje *fullstop*.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, jangan susut punca.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tak faham lagi Wakaf Mempelam?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Awak yang tak faham soalan saya nak cuba susut punca. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan kerana benda ini timbul soal Projek Lapangan Terbang, soal projek-projek lain, jadi saya nak mintak pengesahan LPT ni kalau itu *confirm* Projek Persekutuan adakah duit Persekutuan dan tidak melibatkan Dana Khas Negeri yang sekarang ini kita masih duk tuntutan, itu penjelasan yang saya mintak.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya Wakil Wakaf Mempelam ini bertanding Parlimen pulak lepas ni, tanya pulak hak Persekutuan nun dalam Dewan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya akan tanya di Parlimen kalau saya bertanding Parlimen, sekarang ini saya dalam Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat jimatkan masa Yang Berhormat. Soalan yang ketiga ada?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak payah tanyalah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya rasa Dewan dah faham tadi. Saya jemput Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Tidakkah Kerajaan berhasrat menjadikan Terengganu sebagai pengeluar utama jagung dan produk-produk berasaskan jagung di Malaysia. Jika ya, nyatakan usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan sekalian. Yang pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Kuala Berang yang bertanyakan soalan yang berkaitan dengan Terengganu akan menjadi pengeluar jagung.

Jawapannya adalah memang benar bahawa Kerajaan Negeri Terengganu memang berhasrat untuk menjadi salah sebuah negeri pengeluar utama jagung serta produk-produk yang berasaskan jagung di negara kita. Dengan itu, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Yang pertamanya, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperkenalkan kepada pengusaha-pengusaha jagung di Terengganu iaitu dengan teknologi-teknologi yang terkini serta menggunakan benih jagung yang baru iaitu Jagung Hibrid, contohnya TSC 1, TSC 2, Gold Strike, Big Fruit dan lain-lain. Yang keduanya, memperkembangkan organisasi dan pengurusan petani dari masa ke semasa. Yang ketiganya, menggerakkan dan meningkatkan peranan yang dimainkan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu TADC sebagai ejen pemasaran dan memperkenalkan seterusnya mempromosikan jagung di luar negara. Yang keempatnya, melatih belia-belia Negeri Terengganu untuk menjadi usahawan dan menghasilkan produk jagung yang bernilai tinggi di Pusat Latihan Ajil. Yang kelima, dari masa ke semasa kita sentiasa menggalakkan individu-individu serta syarikat swasta untuk mengusahakan tanaman jagung untuk berfungsi sebagai 'Anchor Company' kepada petani-petani dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih atas jawapan yang telah diberi oleh Wakil Kerajaan tadi. Soalan tambahan saya, boleh tak saya dapat maklumat bilakah jangkaan masa yang difikirkan oleh Kerajaan hasrat untuk merealisasikan jagung ini sebagai pengeluar utama di Negeri Terengganu. Dan apakah kriteria-kriteria ataupun pengukuran yang akan dibuat oleh Kerajaan sebagai akhirnya contohnya pelajar cemerlang diukur melalui pencapaian 5A. Jadi kita nak tahu Terengganu yang berhasrat untuk menjadi pengeluar utama jagung dan apakah kriteria atau ukuran yang difikirkan oleh Kerajaan yang kita jangka jagung ini menjadi satu daripada pengeluar utama di Malaysia dan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, saya ingin menjelaskan bahawa memanglah tanaman jagung ini merupakan tanaman yang sudah biasa diusahakan oleh petani-petani kita sejak daripada dahulu lagi. Tapi oleh kerana benih jagung yang kita keluarkan dahulu adalah merupakan benih yang tidak mengikut kehendak pasaran antarabangsa maka bermula daripada tahun lepas kita telah memperkenalkan jagung jenis Hibrid iaitu sesuai dengan keperluan pasaran antarabangsa dan juga pasaran yang lebih luas. Dengan itu Kerajaan Negeri Terengganu sedang berusaha untuk menjadikan permulaan ini Negeri Terengganu sebagai sasarannya kita meletakkan 400 hektar untuk permulaan bagi memperkenalkan jagung jenis Hibrid. Kita jangkakan 5 tahun daripada tahun lepas kita akan menjadi pengeluar jagung yang terbesar di negara kita dengan kaedah-kaedah dan juga perancangan-perancangan yang dilaksanakan tersebut. Pun begitu pada masa sekarang ini kita bermula terutama di Daerah Hulu Terengganu kita mensasarkan lebih kurang 400 hektar yang akan kita mulakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Oleh kerana jawapannya sangat bagus, jadi saya tidak ada soalan lagi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, yang ketiga.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang ketiga. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini apakah negara-negara yang telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan untuk mempromosikan jagung yang akan dikeluarkan oleh Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Manir. Sekarang ini jagung jenis Hibrid ini kita menjangkakan pasarannya cukup luas terutamanya di Eropah dan juga di negara-negara di Taiwan. Dan juga sekarang ini permintaan daripada negara-negara tersebut kita tidak ada masalah sekiranya pengeluaran jenis Hibrid ini kita memenuhi kuota yang diperlukan. Tapi buat masa sekarang ini pengeluaran kuota yang kita keluarkan ada sikit-sikit di Terengganu ini hanya mencukupi untuk pasaran tempatan sahaja masih belum mampu untuk dieksport ke negara-negara yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Berapakah jawatan kosong yang belum diisi di Jabatan Hal Ehwat Agama Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Sidang Dewan yang dihormati sekalian. Soalan daripada Wakil Ladang ialah mengenai kekosongan jawatan di Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Negeri Terengganu pada masa ini.

Untuk makluman Dewan, setakat ini terdapat 468 kekosongan jawatan di Jabatan Hal Ehwat Agama Negeri di mana 26 adalah jawatan Pegawai Hal Ehwat Agama dan 442 jawatan bagi kakitangan sokongan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Agaknya mengapa kekosongan ini dibiarkan terlalu lama dan tidak diisi segera?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Untuk makluman Dewan Dato' Yang Dipertua, proses pengisian jawatan-jawatan ini sedang diambil perjalanan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan sebenarnya berlaku kekosongan yang banyak ini adalah ekoran daripada penstrukturan baru ataupun perjawatan baru yang telah diluluskan oleh JPA pada pertengahan 2007 yang lalu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan lagi. Di dalam keadaan di mana berlaku banyak

kekosongan didapati ada juga pegawai-pegawai daripada jabatan yang ditukarkan di luar daripada jabatan, apakah rasionalnya perkara itu berlaku pada masa yang lepas?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya minta *detailkan* soalan tersebut, dia tukar di luar jabatan tu ke jabatan mana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada Pegawai-pegawai Tadbir Agama yang ditukarkan ke sekolah misalnya sedangkan keperluan itu mendesak di jabatan, apakah rasional pertukaran itu dibuat?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ini adalah mengikut pertimbangan jabatan, kita tahu pendidikan adalah satu bidang yang sangat penting jadi kalau kita tukar ke Pendidikan itu maknanya kita tukar ke tempat yang sesuai bukan tak sesuai. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan lagi boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek aje Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kesesuaian itu adalah berdasarkan kepada kesesuaian pegawai itu yang mempunyai latar belakang pelajaran sepatutnya ditukarkan ke Pendidikan tetapi pegawai ini tidak mempunyai latar belakang kemahiran Pendidikan tapi masih ditukarkan ke sekolah sedangkan kekosongan banyak berlaku di jabatan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu sudah dijawab Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itulah sebabnya kalau dikata kesesuaian

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau khabor selalu pegawai berkenaan tak apa, mungkin boleh dijawab tapi keperluan telah dijawab tadi. Ia lebih diperlukan oleh jabatan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itu persoalannya kalau perlu maknanya orang itu orang yang tahu dan mahir tentang pendidikan tetapi dia ini tidak mahir.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT nak jawab?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana membantu saya. Kita dah sebut tadi, ini berdasarkan kepada keperluan, orang yang dihantar ke sekolah-sekolah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama itu adalah mengikut keperluan pada masa itu dan saya tidak dapat aduanpun pegawai-pegawai kalau ada dengan spesifik apa nama pegawai yang ditukar ke sekolah yang tidak dapat menjalankan tugas dengan baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup Yang Berhormat ya. Saya jemput Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Penduduk di sepanjang sungai dan pantai Setiu yang terdiri daripada golongan miskin, golongan petani dan nelayan sentiasa dilanda masalah untuk menjalankan aktiviti ekonomi sepanjang tahun. Ini adalah akibat daripada banjir yang sentiasa berlaku dan keadaan muka kuala Setiu yang amat cetek.

Sistem pengairan yang tidak baik telah mengakibatkan banjir yang teruk, yang mana ia menghalang aktiviti ekonomi seperti penanaman padi seluas lebih kurang 2,000 hektar dan tanaman kontang yang lain untuk berkembang dengan pesat di samping mengakibatkan kemusnahan harta benda yang besar setiap tahun. Muka kuala yang amat cetek menghalang 253 bot nelayan daripada menggunakan jeti LKIM di Kg. Penarik yang bakal beroperasi Ogos nanti untuk pendaratan hasil mereka.

Justeru itu, apakah perancangan agensi-agensi Kerajaan untuk menghasilkan sistem pengairan dan saliran bersepadu yang telah disuarakan oleh YAB Perdana Menteri sejak 2005 lagi yang boleh mengatasi masalah-masalah yang tersebut di atas?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, terima kasih kepada Yang Berhormat Permaisuri yang bertanya soalan yang berkaitan dengan masalah banjir di Setiu. Sememang benarlah Kerajaan Negeri memandang serius berkaitan dengan banjir yang dihadapi oleh penduduk di Daerah Setiu termasuk dalam usaha untuk melaksanakan projek Sistem

Pengairan dan Saliran Bersepadu bagi meningkatkan produktiviti pertanian khususnya tanaman padi di Daerah Setiu. Untuk itu satu kajian dan reka bentuk sistem pengairan di Daerah Setiu atau dikenali projek Tebatan Banjir Daerah Setiu telah dilaksanakan. Peruntukan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke 9 bagi tujuan tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Pernah dimaklumkan pada tahun 2005 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawasanya satu projek pengairan yang bersepadu dan besar-besaran akan dilaksanakan. Jadi kalau RM2 juta adakah memadai untuk kawasan seluas Setiu? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya peruntukan RM2 juta ini saya rasa ini adalah berbentuk kepada menjalankan kajian serta reka bentuk sistem pengairan bagi keseluruhan Daerah Setiu itu. Tapi baru-baru ini kita juga ada mendengar satu peruntukan diluluskan sebanyak RM200 juta bagi projek untuk Tebatan Banjir serta sistem pengairan di Daerah Setiu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Kampung Jelapang pada 14hb. Jun 2008 baru-baru ini. Pun begitu setakat ini kita masih belum menerima peruntukan tersebut. Walau bagaimanapun, kepada KETARA Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri telahpun meluluskan peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ke 9 ini sebanyak RM17 juta untuk sistem pengairan di Daerah Besut dan juga Setiu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan saya sebenarnya adalah Sistem Pengairan Bersepadu yang mana melibatkan pertanian dan juga kehilangan harta benda kepada penduduk serta penggunaan kuala Sungai Setiu. Jadi pada jangkaan pihak Kerajaan bilakah projek-projek untuk menyelesaikan ketiga-tiga masalah ini bukan sahaja difokuskan kepada pertanian akan dilaksanakan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya masalah yang kita hadapi di Setiu ini adalah masalah air Sungai Setiu yang melimpah apabila musim banjir berlaku. Maka dengan itu untuk menyelesaikan masalah keseluruhan masalah banjir di Setiu kita memerlukan satu tebatan banjir yang secara menyeluruh. Dengan sebab itu sebagaimana yang telah saya maklumkan kepada Yang Berhormat tadi setakat ini Kerajaan Persekutuan telah melalui persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

yang mana kita telah memberitahu bahawa masalah di Setiu ini adalah masalah banjir yang berlaku setiap tahun dan limpahan air sungai di Setiu ini lebih tinggi arasnya daripada tanah di kawasan Setiu. Maka dengan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen untuk menyelesaikan masalah banjir di Setiu ini satu peruntukan disediakan sebanyak RM200 juta bagi projek tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah Yang Berhormat ya. Jadi saya jemput seterusnya Yang Berhormat Wakil Air Putih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Adakah terdapat peruntukan khusus Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan kemudahan asas seperti masjid, balai raya, jalan-jalan kecil dalam kampung dan sebagainya di seluruh Negeri Terengganu dan peratusannya jika dibandingkan dengan peruntukan pembangunan?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Air Putih, jawapan dia memang ada. Pecahan peruntukan bagi tahun 2008 adalah sebagaimana berikut:-

- (i) Masjid dan Surau - RM40 juta
(termasuk pembinaan masjid dan surau baru serta penyelenggaraan)
- (ii) Balai Raya - RM5 juta
(termasuk bina baru, menaik taraf dan penyelenggaraan balai raya)
- (iii) Pembangunan prasarana bandar dan luar bandar - RM13 juta
(termasuk juga penyelenggaraan jalan-jalan kecil dalam kampung)

Keseluruhan peratusan bagi peruntukan ini ialah 7% daripada peruntukan pembangunan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya teringat satu artikel yang saya baca, secara purata telah dibuat kajian *maintenance* dengan izin yang diperlukan untuk mengekalkan keadaan sesuatu bangunan, infrastruktur secara puratanya kita memerlukan 20% hingga 30% daripada

peruntukan pembangunan. Jadi adakah Kerajaan akan memberi perhatian perkara ini dan mungkin meninggikan sikit peruntukan daripada yang 7% ini kepada sekurang-kurangnya kepada 20%. Sebab contohnya kalau di daerah kita mendapat lebih kurang RM2 juta satu daerah bagi peruntukan pembangunan kalaulah dapat dikeluarkan daripada RM2 juta itu 20% daripada RM2 juta itu iaitu lebih kurang RM400,000 diasingkan khusus untuk peruntukan pembangunan jadi ini boleh membantu untuk kita membaik pulih, jalan-jalan, balai-balai raya, surau-surau, masjid-masjid yang kadang-kadang tu di sesetengah kawasan amat teruk sekali, adakah Kerajaan akan memberi perhatian akan perkara ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah dikatakan Kerajaan Barisan Nasional lebih-lebih lagi di Negeri Terengganu Darul Iman. Memang kita Kerajaan Negeri Terengganu ini kita memang sentiasa sensitif dengan suasana dan keadaan daripada Wakil-wakil Rakyat daripada peringkat DUN dan juga Parlimen. Peratus yang dimaksudkan pada tahun 2008, 7% itu tidak bermakna tidak semestinya pada tahun akan datang juga sebanyak 7%, tidak. Memang dia tu sentiasa fleksibel, maknanya kalau kita perlu tambahan, kita sentiasa tambah dan kita akan akur dan sensitif dengan suasana dan keadaan semasa. Jadi apa-apa sahaja projek-projek yang melibatkan penyelenggaraan dan sebagainya pihak Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan Barisan Nasional sentiasa akur dan mengatasi masalah-masalah yang berlaku dari masa ke masa yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Nak ucap terima kasih aje kepada abang saya ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada 2 minit lagi. Saya beri peluang 1 minit tanya, 1 minit jawab kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal. 1 minit Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Pekan Batu Enam sering mengalami kesesakan lalu lintas terutamanya pada cuti-cuti umum dan musim perayaan. Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan bagi menyuraikan dan mengatasi kesesakan lalu lintas di Pekan Batu Enam?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Payah jawab seminit ni, jawapannya panjang, kita sedia untuk 10 minit jawapan. Jadi walau bagaimanapun, saya pendekkanlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Jadi langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan bagi menyuraikan dan mengatasi kesesakan lalu lintas di Pekan Batu Enam adalah sebagaimana berikut:

Langkah Jangka Pendek

1. Mengambil tindakan penguat kuasa secara berterusan ke atas pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan lalu lintas.
2. Menempatkan anggota penguat kuasa bagi mengawal lalu lintas pada hari-hari cuti atau musim perayaan.
3. Larangan aktiviti perniagaan di bahu jalan antara Bulatan Batu Enam hingga Jambatan Buluh Gading.

Langkah Jangka panjang

1. Melebarkan jambatan dan jalan dari Jambatan Manir hingga ke Bulatan Batu Enam kepada empat lorong.
2. Melebarkan jalan raya yang sedia ada dengan kemudahan tempat letak kenderaan.
3. Membina jalan bertingkat melintasi Bulatan Batu Enam.
4. Membangunkan sebuah pusat perniagaan baru di Wilayah Kuala Terengganu Utara bagi menyuraikan trafik ke Bandar Kuala Terengganu.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ucap tahniah kepada Wakil Kerajaan yang menjawab dengan pantas dan lengkap, saya rasa tak perlu lagi soalan tambahan cuma saya bagi adil yang terakhir kita jemput Yang Berhormat Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Nyatakan jumlah Imam dan Bilal yang dilantik ditamatkan perkhidmatannya dan digantung elaunnya bermula bulan Mac 2008 hingga Jun 2008?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Bukit Payong ialah mengenai jumlah Imam dan Bilal yang dilantik, ditamatkan perkhidmatan dan digantung elaun bermula bulan Mac 2008 hingga Jun 2008.

Jumlah Imam dan Bilal yang dilantik mulai Mac 2008 hingga Jun 2008 adalah seramai:

| | | |
|-------|---|----------|
| Imam | - | 23 orang |
| Bilal | - | 25 orang |

Jumlah Imam dan Bilal yang ditamatkan perkhidmatan daripada Mac 2008 hingga Jun 2008 ialah:

| | | |
|-------|---|---------|
| Imam | - | 1 orang |
| Bilal | - | 1 orang |

Jumlah Imam dan Bilal yang digantung elaunnya mulai Mac 2008 hingga Jun 2008 ialah seramai:

| | | |
|-------|---|---------|
| Imam | - | 3 orang |
| Bilal | - | 2 orang |

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit yang menjawab dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telahpun habis satu jam bagi sesi soal jawab pada pagi ini dan saya menanggungkan sementara mesyuarat kita ini dan masuk semula bermesyuarat pada pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

Pukul 11.00 Pagi

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

KUMPULANWANG PENDAHULUAN MOTOSIKAL NEGERI

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

“Bahawa menurut seksyen 10(4)(b) Akta Acara Kewangan 1957, Akta 61, Dewan Undangan Negeri ini membuat ketetapan bersetuju menubuhkan Kumpulanwang Pendahuluan Motosikal Negeri dan memasukkan dalam senarai kepada Jadual Ketiga seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957.”

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah mendapat sokongan sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa yang ingin berucap? Sila.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Seberang Takir tadi dengan tertubuhnya Kumpulanwang Pendahuluan Motosikal Negeri ini sedikit sebanyak dapat meringankan pekerja-pekerja kerajaan yang pendapatan rendah. Dengan orang kata wujudnya Kumpulanwang Pendahuluan ini yang mana dapat membantu mereka-mereka ini dalam mendapatkan motosikal untuk memudahkan mereka golongan-golongan sasaran ini dalam urusan untuk pergi-balik kerja, dalam urusan seperti mengambil, menghantar anak-anak ke sekolah dan seperti waktu sekarang dengan keadaan kenaikan harga petrol dengan menaiki motosikal dapat meringankan beban mereka. Dan usul ini adalah untuk menambahkan Kumpulanwang, simpanan wang yang telah sedia ada dan dengan itu saya sekali lagi menyokong penuh usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Seberang Takir tadi. Ini menunjukkan kecaknaan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dalam usaha memberi bantuan, dalam usaha memberi sokongan yang seberapa yang terdaya ke arah golongan yang berpendapatan rendah selari dengan program-program yang

telah dijalankan oleh pihak Kerajaan setakat hari ini. Antara contoh program-program yang telah dijalankan yang mana selari sebagaimana yang saya katakan tadi yang mana menyokong golongan yang berpendapatan rendah ialah pemberian bantuan atap, pemberian Dana Hari Raya dan sebagainya dan usul ini memang patut kita sokong dan ini dapat sedikit sebanyak membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Satu lagi yang kita sedia maklum bahawa dengan wujudnya Kumpulanwang Motosikal ini yang mana jika dibandingkan dengan institusi kewangan yang memberi pendahuluan dalam pembelian motosikal dia punya kadar faedah yang dikenakan adalah jauh lebih rendah kalau dibandingkan yang diberikan oleh institusi-institusi *private*. Jadi saya sekali lagi menyokong penuh usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Seberang Takir tadi. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Sila Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak berdiri untuk sama-sama menyokong usul untuk Kumpulanwang Pendahuluan Motosikal ini. Namun dalam pada kita untuk menyediakan kemudahan kewangan ini bagi Pegawai-pegawai Kerajaan untuk membeli motosikal kita jugak harus melihat supaya kaedah pengurusan ini perlu diperhalusi oleh kerana banyak terdapat tabung-tabung yang telah dibangunkan oleh Kerajaan akhirnya matlamat Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat ini kadang-kadang diambil peluang dan diputar belitkan, dimanupulasi oleh peminjam-peminjam ataupun penerima-penerima kemudahan ini. Sebagaimana kemudahan yang pernah dilakukan oleh Kerajaan ialah kemudahan untuk membeli komputer misalnya. Bagi memastikan seluruh rakyat mendapat kemudahan membeli komputer ini, ramailah di kalangan penyimpan-penyimpan EPF yang membeli komputer melalui pinjaman EPF akhirnya terbentuk suatu kumpulan yang mengambil kesempatan komputernya tidak dibeli, wangnya digunakan. Begitu juga kemudahan Tekun, kemudahan Tekun jugak adalah bertujuan untuk membantu masyarakat peniaga kecil untuk mengelak daripada himpitan daripada Along-along namun akhirnya Tekun ini pinjamannya diambil, mendapat kemudahan sehingga RM20,000 dan tanpa faedah pulak tu dan kewangan ini tidak dipergunakan untuk kebaikan perniagaan, untuk membeli kemudahan-kemudahan lain akhirnya pinjaman ini tidak dapat dibayar. Begitu jugak dengan apabila kita memberi kemudahan pembelian motosikal ini perketatkan prasyarat untuk pembelian ini, itu satu kaedah untuk mengelak daripada kadang-kadang oleh kerana desakan daripada anak-anak di peringkat sekolah dan sebagainya, dah Kerajaan sudah menyediakan untuk pinjaman motosikal ini akhirnya dalam waktu yang sama kita tak sedar Mat Rempit bertambah oleh kerana mudahnya mendapat pinjaman motosikal ini. Jadi oleh itu apa yang saya nak utarakan ialah kaedah pengurusan perlu diperhalusi dan

matlamat Kerajaan untuk membantu masyarakat ataupun kakitangan dalam meringankan bebanan bahan bakar yang melonjak begitu tinggi supaya ianya tidak membebankan pengurusan kewangan kebelakangan hari kepada peminjam-peminjam ini. Saya mohon menyokong tabung ini ditubuhkan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Jika tidak ada saya jemput Wakil Kerajaan untuk menggulung jika ada. Tak ada Yang Berhormat? Semuanya nampak sokong belaka tu.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan sokongan yang telah diberi. Untuk makluman kepada semua Yang Berhormat bahawa dalam kita memberi, dalam menubuhkan Kumpulanwang Pendahuluan Motosikal ini apabila peminjam itu meminjam duit ini selepas daripada pinjaman ini diluluskan geran motosikal ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk ditanda atau dicop yang menyatakan di bawah pembiayaan ataupun pinjaman Kerajaan Negeri. Jadi dengan kaedah yang telah dibuat sepertimana mengikut pinjaman kereta dan juga pinjaman motosikal yang dibuat sebelum ini jadi saya rasa tidak timbul ada unsur-unsur mengambil kesempatan yang pernah berlaku kepada pinjaman komputer dan juga pinjaman Tekun. Jadi insya Allah pandangan-pandangan yang diberi itu akan diperhalusi dan saya berpendapat bahawa perkara-perkara yang ditimbulkan tadi itu insya Allah tidak akan berlaku kerana konsep yang telah dilaksanakan sebelum inipun memang kita dapati tidak ada berlaku unsur-unsur sepertimana yang telah disebut. Saya rasa itu sahaja, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan yang telah menggulung tadi. Kita harap kakitangan Kerajaan yang menggunakan kesempatan menggunakan tabung ini dapat memenuhi ataupun memanfaatkan sepenuhnya sebagaimana nasihat Wakil Paka tidak ada yang pecat sekatih-sekatih walaupun geran dengan Kerajaan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang telah selesai perbincangan dan juga penggulangan, saya buka untuk undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bermakna kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, Dewan yang mulia ini telah membuat satu mandat dengan jelasnya sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan ini kepada pukul 9.30 pagi besok, 14 Ogos 2008 untuk sidang hari yang kedua. Sebelum kita sama-sama beredar daripada Dewan ini marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr untuk membawa keberkatan kepada kita semua.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.20 PAGI.

PERSIDANGAN

HARI KHAMIS,

14 OGOS 2008

***Hari KHAMIS,
14 OGOS 2008***

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 36]

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
- *Soalan-soalan Lisan* [Muka 40]

3. Tangguhan. [Muka 64]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji 'Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang hadirin yang dihormati sekalian. Mesyuarat kita sambung semula pada pagi ini. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita dengan ikhlas membaca doa ummul kitab mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan Allah S.W.T mengurniakan kejayaan di atas Persidangan dan harapan kita melalui Dewan kita yang mulia ini. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita pada pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan yang telah diberi notis kepada Dewan. Untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menyusun dan oleh kerana kita mempunyai hanya dua hari semalam dan hari ini jadi untuk memberi kesesuaian kepada semua soalan yang dikemukakan pada pagi ini saya akan memulakan dua soalan daripada bawah iaitu daripada Ahli yang mengemukakan soalan nombor 11 dan 10. Kemudian yang keduanya saya harap pihak Kerajaan akan bersedia di mana saya akan buka kepada Ahli-ahli yang membuat soalan, dia mempunyai lebih daripada satu soalan, kita memberi pilihan kepada Ahli Yang Berhormat sekalian untuk memilih soalan mana yang hendak ditanya, kita mempunyai masa yang ringkas, saya takut Ahli Yang Berhormat memilih mana yang penting dan kemukakan kepada pihak Kerajaan. Saya harap tidak akan menyusahkan kepada pihak Kerajaan untuk memberi jawapan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalan-soalan yang telah diberi notis dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Bukit Payong untuk mengemukakan soalan, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

Setakat mana perkembangan pembangunan projek Pusat Sains Kg. Laut dan berapakah kos pembinaan dan pengurusannya?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Berkait dengan soalan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Wakil Bukit Payong berkaitan dengan pembinaan Pusat Sains dan Kreativiti Negeri Terengganu atau PSKT di kawasan Kubang Ikan dan Kampung Alur, Mukim Pengadang Buloh dan Chendering, Kuala Terengganu:

- Kos pembinaan dan pengurusan keseluruhan adalah RM45,881,388.00.
- Kemajuan Fizikal Projek:
Mengikut jadual 51.50% tetapi kemajuan sebenar 28.00% iaitu kelewatan sebanyak 23.50%.

Jadi setakat ini projek ini masih diteruskan dan aktiviti-aktiviti di tapak pada masa ini adalah seperti berikut:

- Kerja-kerja cerucuk siap 75%
- Kerja-kerja topi cerucuk siap 30%
- Kerja-kerja konkrit T Beam siap 100%
- Kerja-kerja crusher run untuk jalan siap 60%
- Kerja-kerja tambunan pasir siap 96%

Lanjutan masa kali pertama dilanjutkan daripada tarikh 15 Februari 2009 kepada tarikh 18 Oktober 2009. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco yang telah menjawab. Soalan tambahan saya, kenapakah berlaku kelewatan-kelewatan yang dinyatakan baru sebentar.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi kelewatan yang dialami oleh kontraktor yang dipertanggungjawabkan ialah pertama sekali semasa projek ini diberi dalam keadaan pada masa itu adalah keadaan cuaca yang tidak mengizinkan. Jadi dalam keadaan pada masa itu projek tersebut dimulakan dalam bulan 11, jadi kadang-kadang hujan dan sebagainya menyebabkan berlakunya penangguhan kerja-kerja pembinaan di peringkat awal. Jadi sekarang ini alhamdulillah, memandangkan kemajuan yang telah ditunjukkan oleh kontraktor ini kita amat berpuashati dan insya Allah

kita rasa projek ini akan dapat disiapkan sepertimana yang telah dirancang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Apakah kontraktor yang menguruskan pembinaan ini bertukar di sepanjang projek dilaksanakan ataupun kontrak asal sehingga hari ini?

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kontraktor yang kita beri tanggungjawab itu masih lagi kontraktor yang sama disebabkan pada peringkat awal kita melalui prosedur biasalah dari segi memberi amaran, proses-proses dan sebagainya dan kerana itulah kita telah dalam proses yang kita beri sekarang ini ialah lanjutan masa kali pertama, ini baru lanjutan kali pertama baru dibuat. Jadi dari segi pihak Kerajaan rasanya dia tidak dapat sepertimana yang telah dipersetujui, pihak Kerajaan tidak ada masalah untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa cukup ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lainpun boleh bertanya soalan tambahan kepada soalan asal walaupun soalan asal itu daripada ahli-ahli yang lain. Saya jemput Wakil Bukit Tinggi.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan saya nombor 1 -

Ramai penduduk Pulau Duyong dan Pulau Ketam adalah terdiri dari kalangan nelayan.

- i. Apakah rancangan Kerajaan untuk membantu nelayan menghadapi kenaikan harga minyak?*
- ii. Apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah kepadatan penduduk di Pulau Ketam?*

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan hadirin yang saya kasihi sekalian.

Menjawab soalan yang pertama, kita merasa sangat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dengan menyedari hakikat bahawa walaupun kenaikan harga minyak berlaku di seluruh dunia maka tempiasnya tidak boleh lari kepada kita. Namun begitu, atas dasar keprihatinan

Kerajaan Barisan Nasional, maka Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan keseluruhan penduduk terutamanya nelayan-nelayan di seluruh Negeri Terengganu ini. Menyedari hakikat itu, Kerajaan telah berusaha untuk memberi subsidi minyak petrol dan diesel kepada nelayan dengan harga RM1.43 sen/liter. Antara lainnya, Kerajaan juga telah bersedia untuk memberi Elaun Sara Hidup kepada para nelayan sebanyak RM200 setiap bulan. Selain daripada itu juga, yang ketiganya insentif hasil tangkapan nelayan-nelayan yang mana kadar tangkapan ikan pada kadar RM0.10/kilo kepada pemilik vesel perikanan yang berlesen.

Selain daripada itu juga, Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan pendapatan nelayan melalui program-program penjana pendapatan nelayan seperti memberi bantuan serta peralatan dan input kepada nelayan-nelayan di Negeri Terengganu. Selain daripada menambah pendapatan untuk mempelbagaikan pendapatan rakyat dan nelayan juga, Kerajaan telah membangunkan modal insan dengan menyediakan berbagai bentuk latihan dan juga kursus di Institut Perikanan Malaysia Chendering kepada nelayan-nelayan di Negeri Terengganu ini.

Bagi menjawab soalan (ii) iaitu Kerajaan memang menyedari tentang masalah kepadatan penduduk di Pulau Duyong dan juga di Pulau Ketam. Kerajaan sedang meneliti perancangan bagi mengatasi masalah tersebut. Mengikut Rancangan Tempatan Seberang Takir Gong Badak - Manir 1997 - 2010 yang telah diwartakan pada 21 Julai 2005 (No. Warta MPKT/RT/4 No. 435) mencadangkan kawasan Pulau Duyong (Blok Perancangan Kecil 7.1) dan kawasan Pulau Ketam (Blok Perancangan Kecil 7.2) dizonkan sebagai kawasan perumahan kepadatan berikut:

Bagi Zon Skim Perumahan Bersepadu telah dicadangkan tiga jenis kepadatan kediaman dibenarkan (maksimum) iaitu:

- (i) kepadatan tinggi 60 unit rumah/ekar.
- (ii) kepadatan sederhana 20 unit rumah/ekar.
- (iii) kepadatan rendah 8 unit rumah/ekar.

Dan di hadapan kita Kerajaan juga sedang merancang untuk menyusun kampung-kampung tradisi di kedua-dua tempat berkenaan. Kita mengharapkan apabila Kerajaan berusaha untuk menyusun kawasan-kawasan berkenaan, kita harap pihak Pembangkang tidak perlulah bergendang di kawasan berkenaan dengan menyatakan Kerajaan nak merampas tanah rakyat sebagaimana yang kita lakukan yang telah lepas. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, memang nampak usaha-usaha yang begitu

baik oleh pihak Kerajaan menjanjikan RM200 setiap bulan untuk nelayan tapi sekarang dah bulan 8 mengikut maklumatnya belum dapat satu senpun lagi dan permohonan memang banyak borang-borang yang dihantar kepada jabatan sehingga melimpah atas lantai dan mungkin prosesnya memakan masa yang panjang. Begitu juga di peringkat bawahan ini karenah-karenah birokrasi, ada juga pihak JKKK tidak mahu tandatangan borang permohonan nelayan-nelayan daripada pihak Pembangkang khususnya. Dan yang paling malang sama ada Kerajaan sedar ataupun tidak semasa kenaikan harga minyak baru-baru ini di jeti Pulau Kambing daripada 16 haribulan 7 sehingga 1 haribulan 8, tidak ada minyak, minyak subsidi takdok, habis. Jadi nak isi minyak di luar tu kerugian akan ditanggung oleh nelayan lebih daripada RM1,000 setiap kali nak turun ke laut. Dua minggu nelayan tidak ke laut dan mereka ini tidak ada pendapatan, yang saya dapat tahu kerana mereka mengadu kepada kita, rakyat mengadu takdok piti nak beli beras, semasa itulah Kerajaan bergolak sama ada nak pakai Proton V6 atau Mercedes Kompressor

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormat? Sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalan saya, adakah Kerajaan sedar akan masalah yang khusus berlaku untuk nelayan-nelayan Pulau Duyong dan Pulau Ketam dan sekitarnya akibat daripada tidak ada minyak di jeti Pulau Kambing selama dua minggu dan apakah usaha Kerajaan mengatasi masalah yang menimpa serta merta ini kepada rakyat kerana yang dijanjikan itu belumpun tiba sehingga hari ini.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kita akui, masalah tu akan berhujung. Namun begitu berkaitan dengan bantuan ini memang sekarang ini kita dalam proses mengumpul maklumat kerana nelayan di Negeri Terengganu ini cukup ramai iaitu hampir 8,000 orang nelayan dan kita nak mengumpul maklumat ini dalam masa yang serta merta adalah menimbulkan masalah. Dan kita memang jelas bahawa peraturan dan juga undang-undang yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan cukup jelas bahawa kepada nelayan-nelayan yang berlesen maka ianya berhak untuk menerima dan juga memohon bantuan yang telah disarankan oleh pihak Kerajaan. Namun begitu, insya Allah kita akan meneliti masalah-masalah yang dihadapi terutamanya nelayan-nelayan di jeti Pulau Kambing yang mana masalah kekurangan diesel subsidi yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan kerana bila kenaikan harga minyak mendadak memang kita tidak nafilah kuota yang diluluskan oleh pihak Kerajaan kadang-kadangnya terlebih digunakan oleh setengah-setengah nelayan kita yang tidak bertanggungjawab, hal lain tu tidak ada masalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu soalan yang pendek sahaja Yang Berhormat sebab tadi dah dua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya mendapat maklumat bahawa bukan minyak sahaja di jeti Pulau Kambing itu diguna lebih kuota tetapi minyak di situ telah dibawa pergi ke Chendering yang sebenarnya orang di sekitar Pulau Duyong tidak mengguna sampai ke kuota diapun, jadi dia kira mungkin takdok orang nak pakai jadi dibawa ke Chendering menyebabkan dua minggu minyak di Pulau Kambing tidak ada dan adakah Kerajaan sedar tentang perkara ini dan apakah tindakan supaya tidak berulang peristiwa seperti ini khususnya semasa mungkin Kerajaan kita nak turunkan minyak pulak ada pulak hal ini sekali lagi berlaku menyebabkan nelayan tidak keluar dua minggu menyebabkan tak ada pendapatan, orang makan gaji ada gaji jadi mereka takdok apa-apapun.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Insya Allah kita akan meneliti apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta hadirin yang dikasihi sekalian. Soalan saya soalan yang pertama -

Difahamkan Kerajaan Negeri akan menanam kelapa sawit dan hasilnya akan diagihkan kepada rakyat termiskin di Terengganu, berapa jumlah keluasan tanah yang akan ditanam dengan kelapa sawit dan berapa jumlah rakyat termiskin yang mendapat faedah daripada program ini mengikut daerah-daerah di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, tuan-tuan, puan-puan dan sidang hadirin sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Hulu Besut atas soalan yang dikemukakan. Untuk jawapannya memang benar pihak Kerajaan sekarang ini sedang merancang

menanam kelapa sawit atas tanah-tanah Kerajaan yang difikirkan sesuai. Dan untuk peringkat ini tanah seluas 14,000 hektar telahpun dikenal pasti untuk tujuan yang berkenaan. Berkenaan dengan jumlah rakyat termiskin yang mungkin akan memperolehi faedah daripada rancangan itu, dijangka semua sekali rakyat termiskin khususnya yang miskin tegar di Negeri Terengganu akan mendapat faedah daripada projek yang dirancangkan itu. Jumlah pendapatan yang akan diperolehi oleh mereka belum lagi dapat dipastikan kerana bergantung kepada hasil yang akan diperolehi oleh Kerajaan daripada projek yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hulu Besut ada tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Apakah Kerajaan tidak mempunyai cadangan selain daripada tanaman kelapa sawit kerana saya dapati di Terengganu hari ini ramai yang bercakap memelihara burung Walit adalah merupakan satu yang boleh disifatkan sebagai lombong emas di Terengganu. Kalaulah perkara ini dibuat kajian teliti dan benar sebagaimana yang dikatakan, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan perusahaan sarang burung Walit ini juga digunakan untuk mengatasi masalah PPRT kita di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kalau kita bercakap pasal rancangan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan bukan sahaja rancangan untuk menanam kelapa sawit sahaja, berbagai-bagai perancangan projek-projek yang sedang difikirkan oleh Kerajaan untuk memastikan rakyat kita dapat dikeluarkan daripada senarai rakyat yang termiskin. Dan apa yang disebut oleh Wakil Hulu Besut boleh kita kaji untuk dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi, soal penanaman kelapa sawit yang mana manfaatnya adalah untuk diagihkan kepada rakyat termiskin di Negeri Terengganu. Saya rasa dalam konteks kita di Negeri Terengganu hasil kepimpinan kita terdahulu sebagai contohnya semasa zaman kepimpinan Yang Amat Berbahagia Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, hingga sekarang kita mempunyai sebuah anak syarikat yang kita katakan sebagai Ladang Rakyat yang mana Ladang Rakyat ini adalah menghasilkan ataupun menanam tanaman kelapa sawit dan dia juga adalah untuk diberikan kepada rakyat miskin. Mengapakah soal penanaman kelapa sawit ini tidak diteruskan atas nama Ladang Rakyat itu sendiri? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, setakat ini kita belum memutuskan lagi agensi mana yang akan melaksanakan projek ini. Kemungkinan Ladang Rakyat, Tabung Haji, Felcra, TDM sendiri termasuk dalam apa yang kita sedang fikirkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

Apakah program belia yang berkesan dan berjaya dilaksanakan sepanjang Januari sehingga Julai 2008 untuk menambah jatidiri mereka sebagai anak Terengganu yang cemerlang pada masa hadapan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Jabi yang ingin tahu tentang apakah program-program yang dibuat, dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menambah jatidiri anak Terengganu.

Program belia yang berkesan dan berjaya dilaksanakan sepanjang Januari hingga Julai adalah Program Y2Y ataupun kepada belia di peringkat Parlimen dan Y2Y di peringkat Dewan Undangan Negeri. Pengisian yang diberikan kepada peserta merangkumi Input Psikologi (Kaunseling), Input Pengetahuan Ketatanegaraan, Input Patriotisme dan Kesukarelaan serta Input Fizikal. Penekanan program dan aktiviti menjurus kepada penerokaan diri berkaitan minat dan kecenderungan dalam konteks 3K (kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan) serta isu dan masalah belia remaja.

Pengisian program ke arah penerokaan minat, kecenderungan, nilai dan potensi kepimpinan. Selain daripada itu, program tersebut telah dapat menyelami isu dan masalah para belia dan langkah-langkah penyelesaian kepada masalah mereka melalui pendekatan psikologi dan kaunseling.

Dari segi fokus dan kesan program tersebut, belia sebagai anak jati Terengganu telah disuntik semangat agar tiada lagi masalah pengangguran atau boleh berdikari untuk membina kerjaya masing-masing. Mereka juga dipandu agar

mencari peluang-peluang melanjutkan pelajaran dan mengembangkan ilmu pengetahuan demi mencapai kehidupan yang cemerlang pada masa hadapan.

Kerajaan juga telah mengadakan aktiviti pengupayaan persatuan belia dan kelab-kelab sukan. Bantuan ini akan diberikan kepada Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah, Persatuan-persatuan Belia Peringkat Cawangan ataupun Kampung. Selain daripada itu, Bantuan Aktiviti Khidmat Masyarakat, Patriotisme dan Kesukarelaan juga diadakan dan Bantuan Belia Tani dan Keusahawanan serta Bantuan Melaksanakan Kursus Kemahiran Teknikal Belia Bermotor dan Teknologi Maklumat, Bantuan Kegiatan Sukan Air, Bantuan Pembangunan Sukan Lasak, Bantuan Pembangunan Sukan Baru dan Bantuan Pembelian Peralatan Sukan Masyarakat Luar Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan. Pertama mengenai Persatuan-persatuan Belia sama ada Belia 4B ataupun MAYC dan sekarang ada persatuan yang aktif dan yang tidak aktif. Apakah Kerajaan sudah membantu persatuan-persatuan ini pada masa-masa yang lepas dari segi kewangan terutamanya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, bantuan pengupayaan yang diberikan adalah sebanyak RM1.028 juta yang diberikan kepada Persatuan Belia yang berdaftar dan aktif kepada 312 persatuan. Jumlah yang diberikan adalah RM3,000 tiap satu persatuan. Kita juga memberikan penekanan kepada belia yang aktif tidak semestinya persatuan-persatuan Belia yang hidup segan mati tidak mahu diberikan bantuan dan akhirnya bantuan entah sampai ke mana dan tidak sampai kepada sasarannya. Juga bantuan-bantuan diberikan dan telah disampaikan kepada Majlis Belia Daerah iaitu sebanyak RM20,000 kepada setiap Majlis Belia Daerah iaitu Bantuan Pentadbiran dan RM25,000 kepada Majlis Belia Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan juga dalam erti kata yang sebenar di kalangan belia-belie sekarang ini ada juga mereka sukar untuk mendapat bantuan terutamanya dalam Program Usahawan Tani dan lain-lainlah. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan, mempermudah golongan belia ini untuk bergiat dalam usahawan tani?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Banyak bantuan yang diberikan untuk melihat bahawa Persatuan-persatuan Belia dapat membantu ahli-ahlinya menjadi usahawan. Namun demikian, memang menjadi tanggungjawab persatuan belia dan ahli-ahli untuk mendapatkan bantuan daripada Kerajaan, namun demikian program-program yang dibuat seperti

Rakan Muda Wawasan Desa, Rakan Muda Keusahawanan dan bantuan-bantuan pengupayaan yang disebut tadi perlulah dipohon dan perlulah didekati hubungan di antara pegawai dan Persatuan-persatuan Belia. Kita mengharapkan bahawa kursus-kursus jangka panjang untuk membangunkan pemimpin-pemimpin belia di peringkat persatuan-persatuan dan kampung-kampung untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha keusahawanan ini. Kerajaan Negeri akan menggunakan sebahagian daripada baki peruntukan yang ada untuk melihat usaha-usaha keusahawanan ini, justeru itu bantuan aktiviti Belia Tani dan Keusahawanan telah diadakan. Bidang keusahawanan dan pertanian merupakan satu bidang yang berpotensi untuk dijadikan karier kehidupan masyarakat belia. Dan Kerajaan sedar bahawa belia yang turut sama untuk merancang aktiviti-aktiviti keusahawanan ini bagi menggalakkan golongan-golongan belia mencebur diri di dalam bidang usahawan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tambahan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, akhir. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ada saya dengar sebelum ini Kerajaan Negeri Terengganu bercadang untuk nak mengadakan satu gelanggang futsal satu DUN, apakah benar. Dan satu lagi ada dikatakan juga Kerajaan Negeri sekiranya dapat royalti akan diberi bantuan kepada penganggur-penganggur, apakah benar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua soalan aje Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih. Pembinaan gelanggang futsal sedang giat dijalankan di peringkat daerah-daerah dan pembinaan gelanggang serbaguna yang menggunakan peruntukan Kementerian Belia dan Sukan juga sedang giat diadakan. Sementara tentang soalan royalti, kita masih lagi menunggu bantuan duit royalti dan keputusannya akan dibuat kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan satu -

Apakah program Kerajaan Negeri yang melibatkan masyarakat petani, penternak dan nelayan bagi membantu mereka mengatasi kesulitan hidup atau memajukan usaha-usaha yang sedang dilaksanakan?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Paka yang bertanyakan soalan berkaitan dengan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan petani, penternak dan nelayan untuk membantu kesulitan kehidupan mereka. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan hadirin sekalian, bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan sentiasa berusaha keras untuk membantu petani-petani kita untuk memajukan diri mereka dan meningkatkan pendapatan mereka. Antara program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian adalah meningkatkan keusahawanan melalui pelaksanaan projek-projek hiliran dan juga industri asas tani serta Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Selain daripada itu juga, Program Meningkatkan Pengeluaran Pendapatan Petani melalui pelaksanaan projek-projek perladangan berkelompok yang terpilih seperti padi, limau, jagung, melon dan sebagainya. Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan mutu dan pendapatan petani melalui pembaikan bahan benih tanaman serta sokongan pemasaran serta promosi produk yang berterusan oleh Jabatan Kerajaan. Selain daripada itu juga, Jabatan Veterinar Negeri Terengganu telah berusaha melakukan Transformasi Ternakan Tenusu yang mana Kerajaan telah menyediakan peruntukan pada tahun ini sebanyak RM50,000 dan juga Transformasi Penternakan Unggas termasuk ayam, itik, burung dan lain-lain sebanyak RM150,000. Selain daripada itu juga Penternakan Cowcalf sebanyak RM100,000. Projek Kambing Pedaging sebanyak RM800,000. Pembangunan Baka-baka RM50,000. PSE Dewan Bukit Kemuntong RM3,000.

Selain daripada itu juga, melalui Jabatan Perikanan Program Bantuan Pemberian Input Kecil, masih lagi diteruskan oleh pihak Kerajaan seperti bantuan enjin sangkut, generator, peralatan elektronik, peralatan menangkap ikan, peti insulasi dan lain-lain lagi. Program Menambahkan dan Mempelbagaikan Pendapatan di kalangan nelayan berkelayakan melalui projek akuakultur dan sebagainya. Program Kursus dan Latihan kepada nelayan yang dilaksanakan secara berjadual di Institut Perikanan Malaysia, Pusat Pengembangan Akuakultur, Pusat Pengembangan Laut, Pusat Ikan Hiasan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun ini Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan pendapatan dan meringankan beban petani-petani di Negeri Terengganu dengan menambahkan peruntukan untuk Program Bumi Hijau di Negeri Terengganu yang mana kita mensasarkan tidak kurang daripada 4,500 buah keluarga untuk tahun ini sahaja untuk dikembangkan di bawah Program Bumi Hijau. Selain daripada itu juga, saya difahamkan kita juga telah mendapat peruntukan tambahan untuk menambahkan lagi Program Bumi Hijau ini kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu lebih kurang 4,000 lagi setakat ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka ada tambahan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Ya, Soalan tambahan. Terima kasihlah kepada jawapan yang panjang tadi. Saya melihat walaupun berbagai input serta bantuan yang disalurkan untuk membantu kaum nelayan ini tetapi masih lagi ada halangan, kekangan sebab tidak semua nelayan tradisional kita ini mempunyai lesen. Jadi di situ ramai di kalangan dan memang mereka ini nelayan yang terhalang bantuan-bantuan yang disebutkan tadi umpamanya Elaun Sara Hidup, kemudian 10 sen per kilo. Kemudian begitu jugak bantuan-bantuan input injin sangkut dan peralatan dan sebagainya ini. Mereka ini memang nelayan tulen yang tidak mempunyai lesen. Jadi kalau tak silap sayalah pada 2 tahun yang lepas pernah sudah saya mengemukakan cadangan supaya pemberian lesen kepada nelayan-nelayan tradisional ini. Jadi saya nak tahu sejauh mana kedudukan untuk melesenkan sebilangan besar nelayan yang kita pernah memberi bantuan input melalui LKIM bagi membantu mereka. Jadi sejauh mana kedudukan permohonan lesen ini untuk mereka terus mendapat segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek aje Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan lesen perahu/bot nelayan kecil di Negeri Terengganu. Memang kita tidak nafikan bahawa kita di Terengganu, begitulah usaha Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini, kita berusaha untuk memberi meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Terengganu terutamanya nelayan-nelayan dengan kita memberi bot dan juga insentif pukut dan lain-lain. Berkaitan dengan pengeluaran lesen, ini adalah di bawah Kementerian Pertanian Malaysia. Jadi kita sedang berusaha sekarang ini dan baru-baru inipun saya ada berbincang bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama dengan Menteri Pertanian sendiri untuk menyelesaikan masalah tidak kurang daripada 400 orang lagi yang tertinggal berkaitan dengan lesen nelayan. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Pada tahun lepas ada pihak Kerajaan Negeri mencadangkan Program Lembah Kaprima. Di kawasan saya juga turut mendapat satu Program Lembah Kaprima ini di Hulu Besut, Keruak. Saya pergi ke kawasan tersebut saya dapati ianya terbiar, jadi apakah status Program Lembah Kaprima ini?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Hulu Besut, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat untuk melihat projek pertanian di Negeri Terengganu berkembang dengan maju. Dan saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya bukan ianya terbiar tetapi masalah kambing Kaprima ini dan memang kita berhasrat untuk menjadikan Negeri Terengganu menjadi pengeluar daging kambing Kaprima yang terbesar di negara ini. Namun begitu, oleh kerana kita menghadapi masalah/krisis makanan ternakan yang terlalu teruk baru-baru ini maka dengan itu kita terpaksa membangunkan ladang-ladang rumput terlebih dahulu sebelum daripada kita memasukkan kambing. Kalau kita memasukkan kambing dengan harga yang mahal pada hari ini menyebabkan penternak-penternak kita akan menghadapi kesulitan yang lebih besar dan saya jangkakan masalah ini akan selesai pada penghujung tahun ini. Insya Allah kita akan memasukkan semua kambing-kambing di ladang-ladang yang telah dikenal pasti tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka ada tambahan tadi? Sila Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Paka bagi ke saya buat tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak kembali kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Paka tadi berkaitan dengan soal bantuan kepada nelayan khususnya bantuan yang RM200 yang saya kira insya Allah bakal mereka terima dalam bulan 9 kalau tak silap. Dan kalangan mereka ini sudahpun pergi ke bank untuk buat buku akaun dan bank yang menjadi tumpuannya adalah Agro Bank/Bank Pertanian kerana untuk buka akaun sahaja RM50, CIMB kena RM200 – RM250, jadi berlakulah ramai di bank. Cuma soalnya dan macam yang disebut, ditanya oleh rakan saya tadi, kepada nelayan tradisi, orang-orang lama ni, memang dialah nelayan tulen dan kebetulan memang dia tak daftar, kalau dalam sebuah bot itu mereka ada 16 orang yang berdaftar hanya 8 orang sahaja dan untuk buka akaun hanya untuk 8 orang

itu sahaja yang menyebabkan 8 orang lagi tak dapat, mereka bergaduh. Jadi soalnya orang macam ini kita nak selesai bagaimana dalam tempoh yang terdekat ini?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah kita akan membayar bantuan input ini kepada nelayan-nelayan yang berlesen dan berdaftar sebab itulah kita daripada awal lagi meminta nelayan-nelayan kita berdaftar untuk mendapatkan status mereka sebagai nelayan. Memang kita faham, kalau Yang Berhormat kata nelayan-nelayan tradisi ini tetapi kalau tak berdaftar susahlah kita, ramailah orang akan mengaku menjadi nelayan kekgi. Nelayan pulak bukan di laut sahaja, di daratpun ada jugak, jadi kena daftar dulu sebab mereka ini sebagai nelayan, kita faham. Dan juga kita cuba berusaha untuk nak menyelesaikan masalah ini, namun begitu kita berharap mereka akan berhubung dengan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya, saya kena mulakan dengan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya hari ini soalan yang pertama -

Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri khususnya Majlis Bandaraya Kuala Terengganu terhadap syor dan cadangan Draf Rancangan Kawasan Khas Tepoh - Batu Enam Kuala Terengganu (RKK) 2007 - 2015?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Deraf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tepoh - Batu Enam, Kuala Terengganu 2007 - 2015 pada masa kini masih di peringkat kajian dan pameran serta semakan akan dijalankan di Tepoh selama tiga hari bermula 19 - 21 Ogos 2008 dan di Batu Enam selama lima hari pada 19 - 23 Ogos 2008. Selepas publisiti dijalankan ianya akan mendapat kelulusan di peringkat Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMKN). Sehubungan daripada syor dan cadangan dalam RKK tersebut, ianya akan dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu apabila diterima pakai dan setelah ianya diwartakan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, soalan tambahan saya, dalam pengamatan saya sebelum ini telah wujud satu Rancangan Khas kalau tak silap saya Rancangan Khas bermula tahun 1990 sehingga ke sekitar sekarang ini 2008, yang langsung Rancangan Khas tersebut tidak diambil perjalanan walaupun telah dibenteng oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, soalan saya di sini ialah Rancangan Khas (RKK) Tepoh - Batu Enam ini atas sifatnya 2007 - 2015, tempohnya tidak lama, saya ingin tahu sejauh mana rancangan ini benar-benar dapat dilaksanakan kerana pada hemat saya atas nama Rancangan Fizikal Negara (RFN) telah meletak bahawa rancangan RKK yang ada dalam kawasan Daerah Kuala Terengganu adalah merupakan RKK yang menjadi Pusat Pertumbuhan Bandar. Justeru itu RKK Tepoh - Batu Enam perlu mempunyai karektor ataupun spesifikasi untuk menjadi Pusat Pertumbuhan Bandar dalam tempoh yang segera, bagaimanakah jaminan Kerajaan Negeri RKK Tepoh - Batu Enam ini dapat dilaksanakan mengikut apa yang telahpun dibentengkan 2007 - 2015?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, RKK ini dibuat begitu rupa kadang-kadang ada kesinambungannya macam Rancangan Malaysia jugak yang kelima, keenam, ketujuh, kelapan, kesembilan dan kesepuluh. Mana-mana yang tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh itu akan dirancang selepas daripada itu dan juga bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Tapi sudah pasti dengan adanya perancangan baru ini tidak bermakna ia membatalkan segala-galanya yang lama, ada yang masih diteruskan, ada pendapat dan pandangan baru yang dikemukakan. Insya Allah, saya yakin dan percaya bahawa RKK yang baru ini akan dapat dilaksanakan mengikut ketentuan-ketentuan fizikalnya dan juga dari segi kewangannya akan salurkan, insya Allah Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu lagi soalan tambahan. Saya ingin memberi tumpuan kepada kawasan saya khususnya melibatkan Pekan Tepoh. Dalam pembentangan yang telah dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan kerjasama Juru Rancang Harta Sdn. Bhd. telahpun menyatakan bahawa keperluan yang bersangatan kepada untuk diubah simpang Y yang ada di Tepoh di hadapan Felda Wilayah sekarang yang perlu diwujudkan satu simpang baru yang tidak lagi bersifat simpang Y. Saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' kalau boleh untuk memberikan jaminan supaya melalui Bandaraya ke, JKR ke, simpang baru di Pekan Tepoh tersebut dapat dibuat dalam tempoh yang segera dan saya ingat tidak melibatkan soal pengambilan balik tanah di situ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Simpang bertingkat kalau boleh dok? Sila Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini termasuk dalam kajian kerana ia juga melibatkan pembinaan lebuh raya yang akan keluar ke simpang Batu Enam dan ke Kuala Terengganu. Sudah tentu dalam kajian ini segala perkara diambil kira terutama melibatkan infrastruktur, jalan dan sebagainya. Insya Allah kita akan memberi perhatian kalau tidak termasuk dan pastikan ianya diambil kira. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Saya jemput Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan, para Pegawai Kerajaan, soalan saya yang pertama -

Mengapakah Borang Permohonan Bantuan Persediaan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) 2008 yang disokong dan ditandatangani oleh Wakil Rakyat Pembangkang ditolak oleh pihak Yayasan Terengganu?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam atas soalan yang ditanya. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam dan juga pihak Pembangkang bahawa Yayasan Terengganu tidak menolak permohonan Bantuan Persediaan ke IPTA, IPTS dan Sekolah Berasrama Penuh malah bantuan-bantuan lainpun sama sahaja. Inilah yang menunjukkan dan membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang sangat adil dan telus. Seperti mana yang Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam bertanya tadi berkaitan dengan borang Yayasan Terengganu ini saya ada membawa beberapa contoh, salah satunya yang telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut dan pemohonnya salah satu sahaja, kalau nak cari banyak ni, ini kita bawa contoh beberapa. Di mana borang ini jelas kita lulus, kalau Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam nak tengokpun boleh, takdok

masalah lepas ni. Begitu juga yang telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah pun tidak jadi masalah, cuma yang jadi masalahnya biasanya yang ditolak adalah kerana JKKK yang menandatangani borang ini bukan kawasan itu ataupun Yang Berhormat yang menandatangani borang itu bukan kawasan itu. Ini adalah untuk mengelakkan berlaku sesuatu perkara yang kita rasa berlakunya sebarang penipuan dan sebagainya. Jadi oleh kerana untuk mengelakkan perkara inilah kita pastikan bahawa dari segi kelulusan, sokongan mesti mari daripada kawasan itu sendiri. Jadi itu sahaja, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana Exco ada bawa salinan borang yang dikatakan saya tandatangi, saya jugak bawa salinan yang bercolour pulak tu, saya fotostat colour yang saya tandatangi yang diterima setelah dua kali saya pergi ke Pejabat Yayasan. Apabila pelajar yang berkenaan mintak saya tandatangi kerana dalam borang itu menyatakan secara jelas perlu ditandatangani oleh Wakil Rakyat dalam kawasan yang berkenaan maka saya tandatangi dan pergi ke Pejabat Yayasan, akhirnya ditolak kerana N.13 Wakaf Mempelam dan ramai pelajar mungkin dia balik terus begitu aje ataupun dia cari Wakil Rakyat Umno tapi pelajar berkenaan mari jumpa saya dia kata tak diterima, seolah tak laku *sign*, saya kata macam mana boleh berlaku begini. Dua kali saya pergi, kali pertama saya pergi masa bekas Yang Amat Berhormat Wakil Jertih jadi Menteri Besar, saya boleh faham kalau benda itu berlaku pada waktu itu tapi masa Yang Amat Berhormat sekarang berlaku jugak. Jadi saya rasa benda ini mungkin atas arahan tertentu sehinggakan saya terpaksa pergi untuk mendapat penyelesaian, baru dia bayar. Macam mana ni, adakah ada arahan tertentu yang menyebabkan ada pegawai di Yayasan yang boleh ambil tindakan menolak tanpa sebab-sebab yang saya kira munasabah.

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, sepatutnya apabila berlaku perkara-perkara yang sebegini bolehlah merujuk kepada saya sendiri ataupun boleh merujuk kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebabnya maklumlah ianya di luar pengetahuan kita tentang perkara ini. Mungkin juga kita ada mempunyai alasan-alasan tertentu yang boleh diberitahu untuk mendapat penjelasan. Jadi selepas ini takdok masalah, kalau timbul lagi Yang Berhormat Wakaf Mempelam ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat lain sila berhubung dengan sayalah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih. Tapi takkanlah kes borang ini nak jumpa Menteri Besar, nak jumpa Exco.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya rasa tak ada soalan dah mungkin di situ.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, saya nak ucap terima kasihlah kerana

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk kejang, kalau perlu yang itu hendak diberi saya ingat Bentara Dewan boleh ambil borang berkenaan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak perlu, dia ada rekod dah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan lain?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini hak saya fotostat sebagai bukti.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takdok soalan lain ya? Okey, saya jemput Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

Pembinaan LPT 2 dan Lebuh Raya Kuala Berang - Simpang Pulai dijangka siap tidak beberapa lama lagi. Tidakkah Kerajaan berhasrat menjadikan Kuala Berang sebagai Bandar Pertemuan Utama Lebuh Raya ini. Nyatakan usaha-usaha yang akan dilaksanakan untuk memperkasakan Bandar Kuala Berang bagi mencapai hasrat tersebut?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pembinaan LPT 2 dan Lebuh Raya Kuala Berang - Simpang Pulai yang merupakan laluan pertemuan di Kuala Berang ini sudah tentu akan menjadikan Kuala Berang sebagai suatu daerah yang menjadi tumpuan pada suatu ketika nanti. Sebab itulah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memastikan bahawa segala kemudahan infrastruktur dan perkecuaian dipertingkatkan di Kuala Berang sebagaimana kita lihat sekarang ini perkembangan dan juga kemajuan Bandar Kuala Berang telahpun meningkat dan banyak infrastruktur baru akan dibuat di kawasan berkenaan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menerima banyak keluhan daripada rakyat di Hulu Terengganu, mereka menyatakan bahawa mereka banyak berterima kasih kepada Kerajaan kerana membina satu lebuh raya yang begitu elok untuk menghubungkan Kuala Berang dengan Kuala Lumpur dan jugak Kuala Berang - Simpang Pulai dan di mana banyak kesan dan kebaikanlah terutama dari segi perhubungan akan dapat dinikmati oleh rakyat Hulu Terengganu. Cumanya mereka merasakan bahawa hasil daripada kesan pembinaan Lebuh Raya Pertama dahulu, kita lihatlah bagaimana yang berlaku di Temerloh, di Maran, Pahang, dahulunya Maran, Temerloh merupakan satu laluan utama ke Kuala Lumpur, jadi kita mahu jaminan Kerajaanlah, kita tak mahu nanti bila dah ada lebuh raya sudah pasti yang pertamanya banyak orang akan tidak melalui Bandar Kuala Berang dan Kuala Berang akan menjadi sebagai bandar, dengan izin *By-pass*. Jadi saya haraplah, mahu jaminan Kerajaan apakah dengan hasil pembinaan lebuh raya ini pertumbuhan bandar di Kuala Berang akan lebih hebat berbanding dengan sebelum adanya lebuh raya tersebut. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri ketika itu telah beberapa kali mengadakan rundingan dengan pihak Kerajaan Persekutuan yang melibatkan Menteri Kerja Raya. Kita terpaksa mengada rundingan demi rundingan, rombongan demi rombongan untuk memastikan lebuh raya yang kita bina berada berhampiran dengan bandar-bandar kita yang sedia ada kerana kita tidak mahu tragedi yang berlaku kepada Temerloh, Mentakab berulang kepada Terengganu sebab itu kita lihat bahawa lebuh raya yang kita bina ini melibatkan ianya berada di antara jalan yang sedia ada dengan Jalan Jerangau - Jabor menyebabkan kita merasakan bahawa bandar-bandar yang sedia ada tidak mati kerana ia berada berdekatan atau berhampiran dengan bandar sedia ada yang mana kita sedar ketika itu kita mengatakan bahawa dan saya selalu memberi contoh bahawa sebagaimana *Autobahn* di Jerman dengan izin Dato' Yang Dipertua, ianya berada di antara 5 hingga 10 minit sahaja antara lebuh raya dengan bandar-bandar atau pekan-pekan yang sedia ada kalau tidak pekan kita akan mati. Sebab itulah lebuh raya kita ini beberapa kali *delay* pembinaannya kerana terpaksa membuat jajaran baru bagi memastikan ianya mengikut kehendak Kerajaan Negeri ketika itu. Dan alhamdulillah, hasil perjuangan kita ini telahpun dilaksanakan dan insya Allah kita akan pastikan bahawa Bandar Kuala Berang tidak akan mati apatah lagi bila adanya jalan daripada Aring ke Kuala Berang itu sendiri menyebabkan ada jalan pintas untuk pergi ke Cameron Highland, ke Ipoh dan sebagainya. Saya yakin dan percaya juga dengan adanya perancangan pembangunan Tasik Kenyir itu sendiri, Pekan Kuala Berang tidak akan mati malah terus membangun sebagaimana yang kita jangkakan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Kuala Berang. Saya jemput Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya ada tiga ni tapi saya pilih nombor 2 -

Berapakah jumlah pelaburan asing yang telah melabur di Negeri Terengganu dalam tahun 2008?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nombor 2 Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ditanya ialah mengenai berapakah jumlah pelaburan asing yang telah melabur di Negeri Terengganu dalam tahun 2008?

Sehingga 31 Mei 2008, kita telah mendapat jumlah pelaburan keseluruhan adalah RM510,762,000 dan di antara itu RM38,262,000 adalah pelaburan asing. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ini jumlah RM510 juta ini dia untuk tempoh 2008 sahaja ataupun *carry forward* daripada dulu? Tak berapa jelas tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormat asalnya memang 2008 sahaja.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Ini adalah pelaburan dalam tahun 2008 sahaja sehingga 31 Mei 2008. Jadi kalau kita kira pelaburan yang dibawa dalam perancangan yang dalam proses sehingga dari tahun 2007, jumlah pelaburan adalah RM6.163 bilion dan di antara itu RM3.391 bilion adalah pelaburan asing.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Pelaburan asing cuma RM38.2 juta, boleh namakan pelabur mana tu, daripada negeri mana dan apa nama pelabur yang datang ke Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang RM38.262 juta pelaburan ini adalah terdiri daripada dua syarikat:

- (1) Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. bertempat di kawasan Perindustrian Kertih yang melibatkan jumlah kos pelaburan RM27,500,000.
- (2) Linde Gas Malaysia Sdn. Bhd. bertempat di kawasan Perindustrian Teluk Kalong yang melibatkan jumlah kos pelaburan RM10,762,000.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak tahu perancangan Kerajaan sehingga sekarang kita dapati masih banyak kawasan perindustrian yang terbengkalai di Batu Rakit dan kawasan-kawasan yang lain, kosong dan naik semak. Apa perancangan Kerajaan untuk nak memastikan kawasan itu terus menyebabkan pelaburan asing tak mari, pelabur tempatanpun tak mari, apa status dan perancangan terhadap kawasan-kawasan perindustrian yang kosong sampai sekarang?

YANG BERTHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memang sentiasa memantau keadaan pembangunan di kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Terengganu dan kita memang sedar bahawa ada kawasan-kawasan yang tidak berapa maju kerana kedudukannya dan kerana persaingan daripada negeri-negeri dan negara-negara luar. Kita telah mengadakan kajian semula atas kawasan perindustrian yang sedia ada supaya kita dapat fokuskan untuk menarik pelabur-pelabur yang sesuai untuk melabur di kawasan yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada lagi tak?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu lagi Yang Berhormat. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Setakat manakah penubuhan ECER (East Coast Economic Region) membantu Terengganu untuk mendapatkan pelabur-pelabur asing datang ke Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): ECER ini merupakan satu perancangan yang merangkumi 3 negeri dan satu daerah di Negeri Johor dan jumlah pelaburan yang dijangka ialah sebanyak RM112 bilion dan kita percaya dan kita memang tahu bahawa ada sebahagian besar daripada projek-projek yang di bawah ECER itu adalah di Negeri Terengganu dan program ini adalah dalam pelaksanaan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Ladang. Saya jemput akhir, Wakil Permaisuri.

YANG BERTHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Pembinaan jalan baru T1 - T3 dilihat akan mengakibatkan banjir yang lebih teruk kepada penduduk di sepanjang jalan di antara Kg. Penarik dan Bandar Permaisuri. Apakah langkah-langkah agensi Kerajaan untuk memastikan jalan ini dilengkapi dengan sistem saliran yang baik supaya banjir tidak akan berlaku?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Permaisuri projek menaik taraf jalan T1 - T3 dibuat untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan. Ia juga akan menjadi jalan alternatif utama yang boleh dilalui daripada Kuala Terengganu ke Kota Bharu terutamanya di musim banjir.

Kerja-kerja menaikkan aras jalan hanya ditumpukan pada beberapa kawasan banjir utama seperti Kg. Tasik, Kg. Bukit Kemudu, Kg. Permaisuri dan Kg. Nyatuh, Setiu. Ketinggian aras maksima yang ditambun daripada aras asal jalan adalah antara 1.0 meter hingga 3.0 meter.

Di sepanjang kawasan tersebut '*balancing culvert*' telah disediakan dan tiga jambatan baru telah dibina untuk mempertingkatkan keupayaan penyaliran air iaitu:

Jambatan Sungai Nyatuh
Jambatan Che Selamah
Jambatan Sungai Alur

Adalah dijangka laluan Kg. Penarik - Che Selamah - Kg. Raja dan laluan Kg. Penarik - Bandar Permaisuri akan dapat dilalui semasa musim banjir. Dalam keadaan demikian bantuan kecemasan di waktu banjir akan dapat disalurkan ke pusat-pusat pemindahan banjir dengan segera dan berkesan jika berlaku musim banjir nanti. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Permaisuri.

YANG BERTHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, yang dibimbangkan sebenarnya bukan dari segi bantuan untuk membawa keluar mangsa-mangsa banjir tetapi kalau melihat kepada penambahan aras sebanyak 1 hingga 3 meter iaitu setinggi 10 kaki, saya rasakan tidak pernahpun berlaku banjir di kawasan ini yang mana tingginya adalah 10 kaki daripada aras jalan yang ada sekarang ini. Kalau melihat kepada keadaan sebelum ini apabila berlaku sesuatu keadaan banjir maka air dapat melintas daripada sebelah kanan kepada sebelah kiri ataupun sebaliknya tetapi apabila berlaku penambahan aras yang begitu tinggi sewaktu saya bersama-sama dengan Pegawai-pegawai JKR dan juga JPS melawat kepada beberapa kawasan ada beberapa rumah yang mana jalan yang ditinggikan arasnya sekarang ini sama tinggi dengan aras bumbung rumah-rumah yang berada di sepanjang jalan-jalan tersebut, yang saya risaukan adakah perunding yang menjalankan projek tersebut membuat satu simulasi banjir yang terperinci terutamanya yang kita tahu sesuatu projek yang melibatkan kawasan banjir boleh diadakan simulasi banjir sama ada secara berkomputer dan sebagainya. Jadi saya nak mendapatkan maklumat daripada pihak agensi yang terlibat atau pihak Kerajaan ada ataupun tidak satu simulasi hidrolik banjir dijalankan di sepanjang jalan tersebut kerana kepada saya ini adalah mustahak kerana sebagai Wakil Rakyat saya merasakan kepada penduduk-penduduk yang miskin kehilangan sebuah almari dalam rumah disebabkan banjir adalah merupakan satu hasil daripada simpanan mereka selama 1 tahun tetapi sekiranya satu rumah penduduk hanyut diakibatkan oleh banjir maka itu adalah merupakan kehilangan yang besar kerana untuk menghasilkan satu rumah ataupun mendapatkan satu rumah itu adalah merupakan hasil simpanan sepanjang hayat terutama kepada petani-petani yang berada di sepanjang jalan tersebut. Jadi saya cuma nak mendapatkan kepastian daripada pihak Kerajaan ada atau

tidak satu simulasi banjir yang terperinci dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam perundingan dan juga dalam pembinaan projek T1 - T3 terutamanya daripada Kg. Penarik ke Bandar Permaisuri? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan panjang jawapan pendek aje Yang Berhormat. Ya atau tidak aje.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Paling pendek sekali jawapan dia ada. Itu aje cukuplah, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sepanjang 1 jam 3 minit tadi kita telah habis memberi peluang kepada semua-semua Yang Berhormat yang hadir pada hari ini yang memberi soalan yang lebih awal, dijawab oleh pihak Kerajaan. Tahniah kita ucapkan kepada Kerajaan dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Saya dapati hanya 5 soalan sahaja untuk hari ini yang tidak dijawab. Kita berharap pada sidang-sidang yang akan datang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat mengemukakan soalan-soalan yang lebih lagi bukan kata semuanya akan terlibat dan insya Allah soalan tambahan yang lebih tepat membolehkan kesemuanya dijawab oleh pihak Kerajaan, insya Allah.

Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekali lagi kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir insya Allah kita nampak Dewan kita ini taklah panas sangat, sejuk sangatpun tak, kita harap ia memberi manfaat yang besar kepada negeri dan rakyat Negeri Terengganu.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah menerima notis Tangguhan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebelum saya menangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan sekali lagi jutaan terima kasih di atas semua kerjasama yang telah diberikan dan kita ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat 'Selamat Bertugas' di kawasan masing-masing dan insya Allah kita berjumpa lagi dalam sidang yang akan datang. Dengan penuh berkat marilah kita sama-sama membaca doa semoga kita berada dalam golongan orang-orang yang beruntung dan selepas daripada Dewan ini untuk bertugas kepada agama, bangsa dan negara, insya Allah. Sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr. Dengan ini saya tangguh mesyuarat pada kali ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.42 PAGI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

PADA 13 DAN 14 OGOS 2008

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT**

- SOALAN 1** : Berapakah jumlah royalti (Dana Khas) yang sepatutnya diterima oleh Terengganu bermula tahun 2004 hingga 2007.
- JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2** : Berapakah jumlah royalti (Dana Khas) yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bermula tahun 2004 hingga 2007.
- JAWAPAN** : Jumlah Dana Khas yang telah dibelanjakan dari tahun 2004 hingga 2007 seperti berikut :
- a. Melalui Belanja Mengurus - RM3,469,200,000.00
 - b. Melalui projek-projek (Kumpulan Wang Amanah Dana Khas) - RM880,967,023.16

SOALAN 3 : Sepertimana yang dijanji oleh Perdana Menteri Malaysia royalti minyak akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, bilakah wang royalti (Dana Khas) akan diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan berapakah jumlah yang akan diterima.

JAWAPAN : Perkara ini masih dalam peringkat perbincangan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Jumlah sebenar tidak dapat dinyatakan kerana belum ada keputusan muktamad.

SOALAN 4 : Pada bulan Mac 2008 Menteri Besar Terengganu telah meletak Batu Asas pembinaan Jalan Keruak Gunung Bongsu/Aring Gua Musang. Apakah status projek jalan ini.

JAWAPAN : Selepas semakan kajian separuh penggal RMK-9, pihak Kementerian Kerja Raya mendapati projek ini tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi dan tidak diberi keutamaan di mana projek ini ditangguh pelaksanaannya hingga RMK-10.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah penjimatan Kerajaan Negeri setelah sekolah-sekolah menengah agama di bawah pentadbiran Kerajaan dahulunya diserahkan kepada Kerajaan persekutuan.

JAWAPAN : Jumlah penjimatan Kerajaan Negeri setelah Sekolah-sekolah Menengah Agama di bawah pentadbiran Kerajaan dulunya didaftar dengan Kerajaan Persekutuan sebagai Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan, SABK (bukan diserahkan) ialah RM45,170,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Juta Seratus Tujuh Puluh Ribu) setahun. Pecahannya adalah seperti berikut:-

| | |
|--|---|
| i. Gaji Guru dan Kakitangan Tetap | = RM27,500,000.00 |
| ii. Gaji Guru Sementara | = RM 6,500,000.00 |
| iii. Makanan Asrama | = RM 4,600,000.00 |
| iv. Bantuan Perkapita | = RM 1,100,000.00 |
| v. Biasiswa Pelajar | = RM 2,400,000.00 |
| vi. Penyelenggaraan Bangunan | = RM 1,200,000.00 |
| vii. Perkhidmatan Kebersihan | = RM 1,150,000.00 |
| viii. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan | = RM 720,000.00 |
| JUMLAH | = <u><u>RM 45,170,000.00</u></u> |

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah perbelanjaan tahunan yang terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi pembiayaan sekolah-sekolah di bawah kumpulan Imtiaz.

JAWAPAN : Jumlah perbelanjaan tahunan yang terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi pembiayaan sekolah-sekolah di bawah kumpulan Imtiaz adalah sebagaimana berikut:-

| Tahun | Kos Pembangunan (RM) | Kos Pengurusan (RM) |
|-------|----------------------|----------------------|
| 2005 | 203,978.00 | 1,014,600.00 |
| 2006 | 3,258,608.00 | 2,116,065.00 |
| 2007 | 6,279,802.00 | 7,580,341.00 |
| 2008 | 7,180,978.00 | 4,023,830.00 |
| | 16,923,366.00 | 14,734,836.00 |

SOALAN 3 : Apakah langkah-langkah yang telah / sedang / dan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah di negeri ini bagi mengatasi masalah kehidupan harian mereka.

JAWAPAN : Antara langkah-langkah yang telah / sedang / dan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah di negeri ini bagi mengatasi masalah kehidupan mereka:

- a) Meningkatkan bilangan program peningkatan pendapatan kepada golongan petani, nelayan, penternak dan lain-lain dengan melibatkan mereka dalam bidang yang bersesuaian dengan aktiviti dijalankan.
- b) Membangunkan modal insan di kalangan keluarga miskin dengan memperbanyakkan peluang latihan kemahiran kepada generasi kedua terutama dalam bidang pengkhususan yang berpotensi dalam pasaran pekerjaan selain meneruskan usaha meningkatkan kesedaran kepada Ketua Isi Rumah menerusi program motivasi.
- c) Melipat gandakan usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti pelancongan, perindustrian, pendidikan, pertanian dan lain-lain.
- d) Memperlengkapkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas terutama di kawasan luar bandar di samping meningkatkan kualiti hidup khususnya dalam konteks menyediakan kemudahan kediaman yang selesa dan selamat.
- e) Mengekalkan bantuan sara hidup kepada golongan tidak produktif seperti warga emas, golongan cacat dan ibu tunggal.

SOALAN 4 : Apakah Kerajaan sedar selepas Pilihanraya Umum yang ke-12 baru-baru ini ramai Imam dan Bilal yang usianya masih muda telah ditamatkan perkhidmatan mereka dan ada juga yang telah digantung elaunnya. Sila rujuk secara khusus pada Masjid Kampung Padang Ujid, Masjid Kampung Kubang Bujuk dan Masjid Kampung Pujok dalam Daerah Kuala Terengganu.

JAWAPAN : 1. Kerajaan sedar selepas Pilihanraya Umum yang ke-12 baru-baru ini ada di kalangan Imam dan Bilal yang ditamatkan perkhidmatannya.

2. Masjid Padang Ujid

Secara khususnya yang ditamatkan perkhidmatan bagi Masjid Padang Ujid hanya 1 orang Imam.

3. Masjid Kubang Bujuk

Manakala yang digantung elaunnya bagi Masjid Kubang Bujuk ialah 3 orang Imam dan 2 orang Bilal.

4. Masjid Pujok

4.1. Selepas Pilihanraya Umum ke-12 yang lalu, tiada mana-mana Imam atau Bilal yang ditamatkan perkhidmatan atau digantung elaunnya.

SOALAN 5 : Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan dan apakah kesannya setakat ini bagi mengatasi kenaikan harga makanan haiwan ternakan terutama makanan ternakan lembu dan kambing.

JAWAPAN : Usaha-usaha yang telah dibuat adalah seperti berikut:-

1. Memaksimumkan penggunaan bahan-bahan sampingan agro-industri khususnya daripada industri kelapa sawit dan padi.
2. Mengubah strategi pelaksanaan projek kambing kepada Skim ikro, iaitu projek secara kecilan (10 ke 15 ekor induk per projek) dengan menggunakan sumber makanan hijau tempatan.
3. Kerajaan telah menghantar sepasukan kakitangan Jabatan Veterinar Negeri ke Jawa Tengah untuk membuat penilaian pengurusan makanan kambing dengan menggunakan bahan hijauan tempatan. Satu buku panduan dalam proses penyediaan untuk dipanjangkan kepada pengusaha sebagai panduan.

4. Membantu pengusaha yang diluluskan untuk membangunkan projek pemprosesan baja organik atau bantuan peralatan yang sesuai.
5. Menyediakan pihak swasta dan ladang jabatan untuk membekal benih rumput yang diperlukan oleh mereka yang terlibat.
6. Kerajaan sedang memperkuatkan insentif pengeluaran ternakan di bawah pelan Jaminan Makanan bagi mengeluarkan kos pengeluaran.

Impak Kepada Penternak:

- i. Harga makanan ternakan terutama untuk makanan ternakan ruminan terkawal. Petani telah menggunakan bahan sampingan pertanian yang terdapat di persekitaran mereka dan ini mengurangkan kos pembelian makanan.
- ii. Secara tidak langsung kini ramai penternak telah mengusahakan sistem *home pot* dan *stall feeding* dan mereka lebih kreatif dalam memproses makanan ternakan sendiri.

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pelajar Negeri Terengganu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTAS) mengikut jurusan sepanjang Januari sehingga Julai 2008?

JAWAPAN : Jumlah pelajar Negeri Terengganu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS) mengikut jurusan sepanjang Januari sehingga 15 Julai 2008 adalah seperti berikut:

| Bulan | Sijil | Matrikulasi | Diploma | Ijazah | Jumlah |
|---------------|--------------|--------------------|----------------|---------------|---------------|
| Januari | 547 | 45 | 733 | 265 | 1,590 |
| Februari | 171 | 15 | 167 | 136 | 489 |
| Mac | 18 | 4 | 43 | 50 | 115 |
| April | 7 | 194 | 155 | 57 | 413 |
| Mei | 15 | 1,957 | 683 | 93 | 2,748 |
| Jun | 799 | 723 | 2,785 | 3,475 | 7,782 |
| Julai (15hb) | 539 | 126 | 1,123 | 935 | 2,723 |
| JUMLAH | 2,096 | 3,064 | 5,689 | 5,011 | 15,860 |

SOALAN 2 : Berapakah jumlah sebenar pelajar sekolah rendah di Terengganu yang tidak dapat membaca dan menulis sepanjang Januari sehingga Julai 2008. Apakah langkah jabatan untuk mengatasinya?

JAWAPAN : Tiada kes murid normal (Bukan Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran) di sekolah rendah Terengganu tidak dapat membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 2,216 orang murid normal yang masih belum lagi dapat membaca dengan lancar yang sedang mengikuti Program Pemulihan Khas di Sekolah Rendah Terengganu. Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu juga mempunyai seramai 1,024 orang murid yang dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran yang sedang mengikuti Program Integrasi Pendidikan Khas di Sekolah Rendah Terengganu.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dalam membantu murid yang masih belum lagi membaca dengan lancar:

- a. Program murid OTDI (Operational Target Decremental Illetracy) murid Pemulihan Khas.
- b. Tuisyen membaca murid Pemulihan Khas.
- c. Setiap murid Pemulihan Khas dibekalkan sebuah buku membaca di rumah.
- d. Kajian latar belakang murid Pemulihan Khas Negeri Terengganu.
- e. Kem Motivasi membaca murid Pemulihan Khas.

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK**

SOALAN 1 : Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Terengganu bagi mengatasi masalah penagihan dadah serta HIV dan Aids dan jumlah penagih di negeri ini sehingga kini?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah kutipan zakat bagi Negeri Terengganu dari tahun 2004 - 2007 dan perincian agihan mengikut asnaf?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapakah jumlah sekolah-sekolah baru yang telah dibina di Negeri Terengganu sejak tahun 2004 dan perincian jumlahnya mengikut daerah?

JAWAPAN : Jumlah sekolah-sekolah baru yang telah dibina di Negeri Terengganu sejak tahun 2004 ialah 15 buah. Perincian jumlah mengikut daerah ialah sepertimana berikut:

| BIL. | DAERAH | JUMLAH |
|---------------|------------------|---------------|
| 1. | BESUT | 1 |
| 2 | SETIU | 1 |
| 3 | KUALA TERENGGANU | 3 |
| 4 | HULU TERENGGANU | 4 |
| 5 | MARANG | 1 |
| 6. | DUNGUN | 2 |
| 7. | KEMAMAN | 3 |
| JUMLAH | | 15 |

SOALAN 4 : Berapakah jumlah kakitangan awam Kerajaan Negeri Terengganu dan apakah bentuk insentif yang telah diberikan kepada seluruh kakitangan Kerajaan Negeri agar mereka dapat menjalankan tugas lebih efisien dan baik?

JAWAPAN : Jumlah kakitangan awam yang berjawatan tetap di Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut :-

| | | | |
|---------------|-------------------------|---|--------------|
| i) | Kakitangan Negeri | - | 6,410 |
| ii) | Pihak Berkanun Tempatan | - | 1,938 |
| iii) | Badan Berkanun Negeri | - | 946 |
| JUMLAH | | | 9,294 |

Pada masa ini pelbagai bentuk insentif telah diberikan kepada kakitangan Kerajaan selaras dengan konsep TERs. Antara perkara yang ditekankan ialah "Reward" iaitu hadiah pengiktirafan seperti berikut:-

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Jabatan.
2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Negeri.
3. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang peringkat Wisma Darul Iman.

4. Anugerah Menunaikan Fardhu Haji/Umrah Peringkat Negeri.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah masjid yang telah dibina di seluruh Negeri Terengganu antara tahun 2004 - 2008 dan berapakah peruntukan yang telah disediakan bagi menyiapkan masjid tersebut?

JAWAPAN : Jumlah masjid yang telah dibina di seluruh Negeri Terengganu antara tahun 2004 - 2008 ialah 75 buah (tidak termasuk masjid di dalam perancangan). Jumlah perbelanjaan sehingga kini ialah RM150,703,572.09 (sehingga 30 Jun 2008).

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG**

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan miskin seperti nelayan, petani dan buruh atau seumpamanya bagi meringankan bebanan hasil daripada kenaikan harga petrol yang terlalu tinggi yang mencetuskan kenaikan harga barang-barang keperluan yang lain.

JAWAPAN : Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan miskin seperti nelayan, petani dan buruh atau seumpamanya bagi meringankan bebanan hasil daripada kenaikan harga petrol yang terlalu tinggi adalah seperti berikut:

1. Jemaah Menteri bersetuju melalui LKIM supaya:
 - (a) Bayaran elaun sara hidup bulanan pada kadar RM200.00/bulan kepada pemilik individu vesel perikanan dan pekerja warganegara yang bekerja di atas vesel berlesen.
 - (b) Bayaran insentif hasil tangkapan ikan pada kadar RM0.10/kg kepada pemilik vesel perikanan yang berlesen.
2. Syarat kelayakan untuk menerima bantuan ini ialah:
 - (a) Pemilik vesel perikanan atau lesen menangkap ikan yang didaftarkan di atas nama individu:-

- (i) Memiliki MyKad,
 - (ii) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, dan
 - (iii) Menjadi Ahli Persatuan Nelayan Kawasan.
- (b) Pekerja Atas Vesel Perikanan Warganegara Malaysia:
- (i) Memiliki MyKad,
 - (ii) Memiliki Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia,
 - (iii) Didaftarkan sebagai pekerja vesel oleh pemilik vesel individu dan syarikat, dan
 - (iv) Menjadi Ahli PNK.

3. Sekatan Kelayakan:

- (i) Pemegang kad vesel perikanan yang didaftarkan atas nama syarikat dan pekerja vesel perikanan rakyat asing yang bekerja di atas vesel perikanan berdaftar.
- (ii) Pemegang lesen individu yang mempunyai pekerjaan tetap lain atau tanpa alasan yang munasabah tidak mengusahakan sendiri vesel berkenaan.

4. Bagi sektor pertanian, Kerajaan telah meluluskan pembayaran insentif tanaman di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008. Tujuannya ialah untuk meringankan bebanan pengusaha berikutan kenaikan kos pengeluaran akibat dari kenaikan harga minyak dan menggalakkan peningkatan pengeluaran tanaman terutama sayur-sayuran dan buah-buahan. Kadar insentif yang telah dipersetujui ialah bagi tanaman sayur-sayuran dan tanaman kontan insentif sebanyak RM81.00/tan metrik dan buah-buahan sebanyak RM78.00/tan metrik. Pembayaran telah dibuat kepada para petani-petani mulai 1 Ogos 2008.
5. Langkah-langkah Kerajaan yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan miskin seperti buruh ialah seperti berikut:-
 - (i) Majikan-majikan dalam menghadapi kenaikan kos pengeluaran dan lain-lain kos operasi perniagaan akibat dari kenaikan harga petrol dipastikan tidak mengurangkan gaji pekerja atau lain-lain faedah yang telah diberikan selama ini dan tidak memberhentikan pekerja dengan sewenang-wenangnya. Sekiranya majikan terpaksa juga mengambil tindakan sedemikian pekerja-pekerja akan dipastikan dibayar faedah atau pampasan yang sewajarnya mengikut undang-undang dan peraturan yang ada.
 - (ii) Kerajaan melalui Majlis Penetapan Gaji telah menyemak semula kadar gaji minima yang sedia ada di sektor pembantu kedai dan menetapkan gaji minima di beberapa sektor lain sebagai tambahan kepada sektor-sektor yang sedia ada.

SOALAN 2 : Berapakah perbelanjaan untuk mengadakan program khatam Quran yang dianjurkan oleh Yayasan Islam mengikut kategori item perbelanjaan.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Pusat telah membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri daripada mengambil segala hak milik Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang diserahkan kepada pihak Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dan berapakah jumlahnya.

JAWAPAN : Sehingga kini proses rundingan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat berkait bayaran pampasan sedang berjalan.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah terkini siswazah dan belia yang menganggur serta usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Apakah syarat-syarat untuk mendapatkan subsidi petrol dan diesel yang dikenakan kepada para nelayan.

JAWAPAN : Syarat-syarat bagi mendapat subsidi petrol dan diesel ialah:

- (1) Semua nelayan yang ingin membeli minyak diesel/ petrol bersubsidi **DIWAJIBKAN** mempunyai Smart Kad yang dikeluarkan oleh LKIM.
- (2) Untuk memdapatkan Smart Kad (Kad Pintar) pemilik vesel hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- (i) Salinan lesen vesel dan perkakasan yang disahkan dari lesen asal,
 - (ii) Salinan Kad Pengenalan pemilik vesel yang disahkan dari Kad Pengenalan asal,
 - (iii) Gambar Pemohon, dan
 - (iv) Gambar vesel
- (3) Setiap vesel akan mempunyai satu Smart Kad dan akan diberikan secara percuma pada peringkat awal.
- (4) Nelayan yang ingin membeli minyak diesel subsidi **DIWAJIBKAN** menunjukkan Smart Kad kepada Penyelia Projek Minyak Persatuan Nelayan Kawasan, manakala mereka yang hendak membeli petrol subsidi **DIWAJIBKAN** menunjukkan Smart Kad kepada Pemilik/ Pengusaha Stesen Minyak yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan semua nama-nama Pengarah dan pemegang saham (syer) Syarikat Terengganu Incorporated Sdn. Bhd., (Terengganu Inc.) dan jumlah saham yang dimiliki oleh setiap pemegang saham tersebut. Sehubungan dengan itu, adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula peranan dan tujuan penubuhannya.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(k) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah kos untuk Pembangunan dan Pengurusan Sekolah-sekolah IMTIAZ seluruh Negeri Terengganu semenjak ianya diambil alih Kerajaan Negeri sehingga kini.

JAWAPAN : Jumlah kos untuk pembangunan dan pengurusan Sekolah-sekolah IMTIAZ seluruh Negeri Terengganu semenjak ianya diambilalih Kerajaan Negeri sehingga kini (Jun 2008) seperti berikut:

| TAHUN | KOS PEMBANGUNAN (RM) | KOS PENGURUSAN (RM) |
|---------------|-------------------------------------|------------------------------------|
| 2005 | 203,978.00 | 1,014,600.00 |
| 2006 | 3,258,608.00 | 2,116,065.00 |
| 2007 | 6,279,802.00 | 7,580,341.00 |
| 2008 | 7,180,978.00 | 4,023,830.00 |
| JUMLAH | 16,923,366.00 | 14,734,836.00 |

**KOS PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH IMTIAZ**

| IMTIAZ | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | JUMLAH |
|--|----------------|------------------|------------------|------------------|-------------------|
| Kompleks Sek. Men IMTIAZ (Fasa 1 – 3) | - | - | 3,560,375 | 6,469,958 | 10,030,333 |
| IMTIAZ Besut | 39,263 | 436,838 | 151,921 | 5,000 | 633,022 |
| IMTIAZ Dungun | 164,715 | 2,003,940 | 1,555,033 | 138,602 | 3,862,290 |
| IMTIAZ K. Berang | - | 573,156 | 302,460 | 322,460 | 1,198,076 |
| IMTIAZ K. Trg | - | 244,674 | 710,013 | 244,958 | 1,199,645 |
| JUMLAH | 203,978 | 3,258,608 | 6,279,802 | 7,180,978 | 16,923,366 |

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kos penyelenggaraan bulanan Taman Tamadun Islam (TTI) di Pulau Wan Man termasuk membayar gaji semua pegawai dan pekerja dan pihak manakah yang menanggung kos tersebut, serta nyatakan jumlah hasil pungutan dari pelawat yang mengunjunginya sehingga Julai 2008.

- JAWAPAN** : Jumlah kos penyelenggaraan bulanan Taman Tamadun Islam (TTI) di Pulau Wan Man termasuk bayaran gaji pegawai dan pekerja ialah RM287,898.00 sebulan. Kos ini ditanggung oleh TTI Management Sdn. Bhd. Jumlah hasil pungutan dari pelawat pada tarikh pembukaannya iaitu Februari sehingga Julai 2008 adalah sebanyak RM1,443,504.00.
- SOALAN 4** : Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu memajukan perusahaan sarang burung layang-layang (Walet) di negeri ini.
- JAWAPAN** : Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mewujudkan satu lokasi khusus bagi perusahaan burung walet serta dalam tindakan penyediaan garis panduan untuk pelesenan perusahaan burung walet.
- SOALAN 5** : Sila senaraikan projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu sebelum PRU Ke-12 (Bekas Menteri Besar) dan nilaian kosnya tetapi dibatalkan oleh Kerajaan Baru.
- JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG**

SOALAN 1 : Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha bot pelancong di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu?

JAWAPAN : Usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha bot pelancong di Tasik Kenyir boleh dibahagikan kepada 2 (dua) pendekatan iaitu untuk faedah secara langsung dan secara tidak langsung. Usaha-usaha yang telah diambil untuk faedah secara langsung ialah:-

- a. Menyediakan kaunter tiket.
- b. Menyediakan jeti untuk bot pelancong.
- c. Menyediakan papan tanda tunjuk arah untuk memudahkan pelancong mendapat perkhidmatan bot.

Usaha-usaha yang telah diambil akan memberi faedah secara tidak langsung kepada pengusaha bot pelancong dalam promosi Tasik Kenyir dan pembangunan produk pelancongan baru seperti Santuari Kelah, Kenyir Island Hoping, Santuari Gajah dan sebagainya. Usaha-usaha promosi dan pembangunan produk ini akan menarik kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir yang seterusnya meningkatkan penggunaan bot oleh para pelancong.

SOALAN 2 : Bilakah cadangan pembinaan Pusat Tulisan Jawi di Memorial Batu Bersurat, Kg. Buloh, Kuala Berang akan menjadi kenyataan? Setakat ini, bagaimanakah perkembangannya.

JAWAPAN : Pembinaan pusat ini akan dibangunkan sebaik sahaja apabila peruntukan yang dipohon diluluskan oleh pihak Kerajaan Pusat. Pembinaan pusat ini dijangka mengambil masa selama 1 - 1½ tahun.

Walaupun peruntukan membina bangunan pusat ini belum diluluskan, pihak Muzium Negeri Terengganu telah mengambil langkah-langkah awal, antaranya ialah mengenal pasti dan memperolehi koleksi atau bahan yang ada hubung kait dengan tulisan jawi dan perkembangannya. Selain dari itu, kertas konsep pembinaan dan pengisian pusat ini telahpun dibuat dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kecil Pembangunan Pusat Jawi.

SOALAN 3 : Sejauh manakah kejayaan Kerajaan melaksanakan program 1 Kampung 1 Industri di Hulu Terengganu?

JAWAPAN : Program Satu (1) Kampung Satu (1) Industri (SKSI) merupakan program yang diperkembangkan daripada Program Satu Kampung Satu Produk (SKSP) pada tahun 2002 di bawah Rancangan Malaysia Ke-8.

Namun begitu, program ini telah diperkembangkan menjadi Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Program ini berkonsepkan pembangunan produk atau perkhidmatan yang beridentitikan kepada satu daerah diperkembangkan supaya dapat mempamerkan nilai komersil, berdaya tahan dan mempunyai rantai nilai tambah yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat setempat dan juga mendatangkan pendapatan tambahan khususnya masyarakat di luar bandar.

Hasil kejayaan Kerajaan melaksanakan Program Satu (1) Kampung Satu (1) Industri atau sekarang dikenali sebagai Satu Daerah Satu Industri di Hulu Terengganu adalah antara lainnya telah dapat membantu mewujudkan kegiatan ekonomi industri desa serta meningkatkan pendapatan penduduk kampung.

Beberapa agensi Kerajaan yang terlibat menerusi Jawatankuasa Satu Daerah Satu Industri Peringkat Daerah yang telah dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah dan dianggotai oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jabatan Pelajaran Daerah, Jabatan Pertanian Daerah, FELDA Wilayah, MARA Daerah, Penghulu Mukim dan wakil-wakil jabatan yang terlibat seperti Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN).

Penglibatan agensi-agensi ini telah dapat menampakkan impak dengan lahirnya beberapa usahawan menerusi produk-produk yang dibangunkan iaitu:-

| Nama Projek | Kawasan Penumpuan | Bilangan Usahawan |
|-----------------------|---------------------------|--------------------------|
| Kraftangan Daun Getah | Sekayu dan Ajil | 40 |
| Tanaman Jagung | Kg. Besul | 33 |
| Homestay | Kg. Buloh | 27 |
| Ternakan Ikan Kelah | Kg. Dura & Jenagor | 83 |
| Ikan Salai | Kg. Kuala Pueh & Telemong | 12 |
| Jumlah | | 195 |

SOALAN 4 : Apakah Prasarana/Kemudahan Sukan yang telah disediakan oleh Kerajaan di Hulu Terengganu dan nyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan sejak tahun 2004 - 2008?

JAWAPAN : Prasarana-prasarana yang telah disediakan oleh Kerajaan di Daerah Hulu Terengganu adalah seperti kemudahan Infrastruktur Asas (jambatan, jalan kampung/jalan pertanian/jalan ladang, culvert/gabion, parit/longkang, bekalan air dan bekalan elektrik), Infrastruktur Awam (penyelenggaraan/pembinaan masjid/surau, balai raya, dewan serbaguna, wakaf/tempat menunggu bas, taman permainan kanak-kanak/taman rekreasi, tapak pasar malam dan lain-lain). Manakala kemudahan sukan ialah membina dan menyelenggara padang bola sepak/gelanggang serbaguna/gelanggang futsal/paintball.

Jumlah peruntukan yang dibelanjakan seperti berikut:-

| Tahun | Peruntukan Negeri | | Peruntukan Persekutuan | |
|---------------|------------------------|--------------|------------------------|--------------|
| | Jumlah Peruntukan | Bil. Projek | Jumlah Peruntukan | Bil. Projek |
| 2004 | RM1,200,000.00 | 46 | - | - |
| 2005 | RM3,000,000.00 | 112 | - | - |
| 2006 | RM8,379,610.00 | 420 | RM13,110,147.00 | 306 |
| 2007 | RM7,331,000.00 | 319 | RM20,663,000.00 | 928 |
| 2008 | RM6,282,650.00 | 253 | RM6,855,000.00 | 154 |
| Jumlah | RM26,193,260.00 | 1,150 | RM40,628,147.00 | 1,388 |

SOALAN 5 : Apakah perancangan masa depan Kerajaan di tanah seluas lebih kurang 5,000 ekar di Padang Ipoh, Kuala Berang.

JAWAPAN : Jabatan Perkhidmatan Veterinar memaklumkan kawasan Padang Ipoh terbahagi kepada dua bahagian. Kawasan milik Kerajaan Persekutuan seluas kira-kira 3,000 ekar. Kawasan milik Kerajaan Negeri seluas 1,000 ekar.

Dari sudut perancangan, bagi keseluruhan kawasan milik Kerajaan Persekutuan, keseluruhan kawasan 3,000 ekar ini akan dibangunkan di bawah program ECER. Di antara projek-projek yang akan dibangunkan termasuklah pusat penyelidikan kambing, ladang nukleus kambing, ladang pengganda baka kambing dan penempatan baka lembu pedaging yang sedia ada.

Buat masa kini kawasan milik Kerajaan Negeri digunakan oleh Jabatan Veterinar Persekutuan menternak baka lembu pedaging. Setelah ternakan ini ditempatkan semula di dalam kawasan milik Persekutuan, kawasan ini akan diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri. Kegunaan kawasan ini akan diputuskan semula oleh Kerajaan kelak.

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR
WAKIL LADANG**

SOALAN 1 : Berapakah kos Kincir Angin untuk tujuan penjanaan elektrik di Pulau Perhentian dan apakah ianya telah berfungsi seperti yang dirancang?

JAWAPAN : Kos projek sistem hibrid di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu adalah berjumlah RM12.67 juta. Ianya dibiayai bersama 1/3 dana Kerajaan Pusat, 1/3 Kerajaan Negeri Terengganu dan 1/3 oleh TNB.

Sistem Solar Hibrid di Pulau Perhentian telah berjalan dengan sempurna dan dapat dinikmati oleh penduduk sekitarnya.

Semenjak dimula tugas pada 6 September 2007 sehingga kini, jumlah penjanaan yang dijana oleh:-

| | | |
|---------------------|---|-------------|
| Wind Turbine 1 | - | 64,872.7kWh |
| Wind Turbine 2 | - | 18,493.6kWh |
| Solar Photo Voltaic | - | 47,462.7kWh |

Penjimatan generator diesel ialah 25%.

SOALAN 2 : Bagaimana sambutan kepada tawaran kemasukan pelajar ke Universiti Darul Iman untuk sesi pengambilan akademik 2008/2009.

- JAWAPAN** :
- 1) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui jabatannya iaitu Unit Pusat Universiti (UPU) telah menyelaraskan kemasukan bagi pengambilan sesi 2008/2009 (Julai) untuk kesemua IPTA termasuk Universiti Darul Iman Malaysia (UDM).
 - 2) UDM menawarkan program-program pengajian peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang bertempat di Kampus KOTA dan Kampus KUSZA, Kuala Terengganu.
 - 3) Berdasarkan unjuran kemasukan bagi Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi sesi 2008/2009, jumlah pelajar baru yang telah mendaftar adalah seperti berikut:-

| Perkara | L | P | Jumlah Daftar | Jumlah Unjuran |
|----------------|------------------------|--------------------------|--------------------------|-------------------------|
| Diploma | 245 (20.9%) | 515 (43.8%) | 760 (64.7%) | 1,175 (100%) |
| Sarjana Muda | 181 (20.0%) | 560 (61.9%) | 741 (81.9%) | 905 (100%) |
| JUMLAH | 426 (20.5%) | 1,075 (51.7%) | 1,505 (72.2%) | 2,080 (100%) |

(Statistik di atas disahkan sehingga 28.7.2008)

- 4) Pada keseluruhannya, peratus jumlah pelajar baru mendaftar ialah sebanyak 72.2%.
- 5) Pengurusan Universiti Darul Iman Malaysia berpuas hati dengan jumlah pelajar baru yang mendaftar tersebut oleh kerana jumlah unjuran yang diberikan telahpun dinaikkan sebanyak 10% - 20% mengikut bidang-bidang pengajian yang berkenaan daripada perangkaan asal yang diluluskan oleh pihak Universiti.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Berapakah jumlah penagih dadah dan kadar peningkatan dari tahun ke tahun mengikut pecahan daerah berdasarkan umur dan kategori pekerjaan di Negeri Terengganu bermula Mac, 2004 hingga Jun, 2008 dan nyatakan sebab-sebab peningkatan.

JAWAPAN : Jumlah tangkapan penagih mengikut tahun adalah seperti berikut iaitu pada bulan Mac 2004 seramai 3,832 orang, Tahun 2005 seramai 3,649, Tahun 2006 seramai 4,739, Tahun 2007 seramai 5,540 manakala Januari hingga Jun 2008 seramai 6,053 orang dan kadar purata peningkatan tangkapan penagih dadah adalah sebanyak 85 peratus. Mengikut kajian umur, tangkapan penagih dadah paling tinggi di antara usia 19 tahun hingga 24 tahun manakala tangkapan penagih tertinggi mengikut pekerjaan pula adalah golongan penganggur dan buruh. Statistik penuh adalah seperti di bawah:

TANGKAPAN PENAGIH MENGIKUT PECAHAN PEKERJAAN

| BIL. | TAHUN KERJA | 2004 (MAC) | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 (JUN) |
|---------------|------------------------|---------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| 1 | PELAJAR | 26 | 32 | 49 | 19 | 11 |
| 2 | KAKITANGAN KERAJAAN | 9 | 24 | 21 | 28 | 10 |
| 3 | PENGANGGUR | 1,023 | 988 | 1,139 | 903 | 3,223 |
| 4 | PENIAGA | 87 | 128 | 37 | 714 | 103 |
| 5 | FELDA | 184 | 604 | 15 | 216 | 38 |
| 6 | NELAYAN | 212 | 228 | 187 | 312 | 153 |
| 7 | BURUH | 1,174 | 974 | 1,672 | 511 | 522 |
| 8 | LAIN-LAIN KERJA | 1,117 | 671 | 1,619 | 1,837 | 1,993 |
| JUMLAH | | 3,832 | 3,649 | 4,739 | 5,540 | 6,053 |

TANGKAPAN PENAGIH MENGIKUT PECAHAN UMUR

| BIL. | TAHUN UMUR | 2004 (MAC) | 2005 | 2006 | 2007 | 2008) (JUN) |
|---------------|------------|---------------|--------------|--------------|--------------|----------------|
| 1 | >13 | 1 | 3 | 4 | 4 | 4 |
| 2 | 14 – 18 | 184 | 198 | 487 | 902 | 382 |
| 3 | 19 – 24 | 928 | 979 | 84 | 1,801 | 907 |
| 4 | 25 – 29 | 388 | 1,038 | 982 | 808 | 928 |
| 5 | 30 – 34 | 905 | 328 | 973 | 349 | 979 |
| 6 | 35 – 40 | 889 | 467 | 788 | 702 | 982 |
| 7 | 41< | 37 | 636 | 621 | 974 | 1,871 |
| JUMLAH | | 3,332 | 3,649 | 3,939 | 5,540 | 6,053 |

Manakala dalam konteks peningkatan penagih boleh dilihat melalui beberapa faktor seperti di bawah:-

- 1.1. Tindakan polis di mana pihak polis dari tahun ke tahun telah mempertingkatkan Operasi Memerangi Dadah dengan mengambil tindakan secara agresif bagi menangkap dan menahan penagih serta pengedar.
- 1.2. Trend pengedaran dadah telah memperlihatkan bahawa dadah Sintetik terutama dadah jenis Methamphetamine iaitu Pil WY (Pil Kuda) telah menjadi trend golongan muda/remaja masa kini, dari kajian yang dibuat golongan remaja lingkungan umur 19 tahun hingga 24 tahun yang banyak terlibat dalam pengambilan dadah jenis ini.
- 1.3. Penagih berulang yang ada tidak dapat dipulihkan sepenuhnya dan ditambah pula dengan penagih baru.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pekerja asing di Negeri Terengganu bermula Mac 2004 hingga Jun 2008 mengikut pecahan warga negara, sektor dan daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapakah lot-lot tanah yang telah diluluskan sejak Mac, 2004 hingga Mac, 2008 kepada pemohon sama ada dalam bentuk Geran Kekal/Geran Sementara/LMS.

JAWAPAN : Bilangan lot-lot tanah yang telah diluluskan sejak Mac 2004 hingga Mac 2008 kepada pemohon sama ada dalam bentuk Geran Kekal/Geran Sementara/LMS adalah sebagaimana berikut:

| DAERAH | Mac 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | MAC 2008 | | JUMLAH |
|------------------|---------------------------|--------------|---------------------------|------------|---------------------------|------------|---------------------------|------------|---------------------------|------------|---------------|
| | Geran Kekal/ Sementara | LMS | Geran Kekal/ Sementara | LMS | Geran Kekal/ Sementara | LMS | Geran Kekal/ Sementara | LMS | Geran Kekal/ Sementara | LMS | |
| KUALA TERENGGANU | 13 | 35 | 21 | 17 | 142 | 1 | 189 | - | 229 | 20 | 667 |
| KEMAMAN | 70 | - | 73 | 20 | 448 | 145 | 691 | - | 130 | 1 | 1,578 |
| BESUT | 259 | 117 | 379 | 3 | 630 | 17 | 538 | 24 | 177 | 14 | 2,158 |
| DUNGUN | 3 | 1 | 147 | 4 | 60 | 10 | 414 | 158 | 175 | 89 | 1,061 |
| HULU TERENGGANU | 97 | - | 246 | - | 878 | - | 435 | 99 | 227 | 24 | 2,006 |
| MARANG | 344 | 6 | 385 | 12 | 416 | 4 | 336 | 6 | 370 | 7 | 1,886 |
| SETIU | 137 | 855 | 249 | 109 | 478 | 448 | 513 | 436 | 1,642 | 50 | 4,917 |
| JUMLAH | 923 | 1,014 | 1,500 | 165 | 3,052 | 625 | 3,116 | 723 | 2,950 | 205 | 14,273 |

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL**

SOALAN 1 : Pekan Batu Enam, Kuala Nerus, Kuala Terengganu adalah termasuk sebagai lokasi yang terlibat dalam Rancangan Projek / Program Pembangunan Mengikut Daerah di Negeri Terengganu, 2005 - 2020. Senaraikan projek-projek pembangunan yang melibatkan Pekan Batu Enam dan peringkat pelaksanaannya sehingga kini.

JAWAPAN : Tidak ada Rancangan Projek / Program Pembangunan mengikut Daerah di Negeri Terengganu, 2005 - 2020. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai Rancangan Pembangunan Negeri 2004 - 2008. Kerajaan Negeri sedang menyediakan Rancangan Kawasan Khas Batu Enam-Tepoh, 2008 - 2015. Namun demikian, Kerajaan Negeri mengambil tindakan berterusan untuk menaik taraf gerai-gerai di Pasar Batu Enam.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah rakyat termiskin yang disenaraikan Kerajaan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Tunggul dan senaraikan jumlah mereka yang menerima bantuan sebuah rumah, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) mengikut nama dan lokaliti.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kedatangan pelancong tempatan dan pelancong asing mengikut bulan dari Januari hingga Jun, 2008 ke lokasi pelancongan;

- i. Kelab Teluk Warisan dan Pulau Duyong
- ii. Taman Tamadun Islam dan Pulau Wan Man

JAWAPAN : i. Adalah agak sukar untuk mendapatkan jumlah sebenar kedatangan pelancong ke Kelab Teluk Warisan dan Pulau Duyong kerana ianya melibatkan pelancong yang menginap di Kelab Teluk Warisan (boleh direkod) dan pelancong harian (day trip) yang tak dapat direkod. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan 4,300 orang telah melawat Kelab Teluk Warisan dan Pulau Duyong sebagaimana pecahan di bawah.

| | | |
|---------------|---|--------------------|
| Januari | - | 350 orang |
| Februari | - | 800 orang |
| Mac | - | 250 orang |
| April | - | 500 orang |
| Mei | - | 1,300 orang |
| Jun | - | 1,100 orang |
| JUMLAH | - | 4,300 orang |

- ii. Begitu juga dengan Taman Tamadun Islam kerana ianya terbahagi kepada dua iaitu kawasan bertiket (Taman Monumen) dan kawasan tidak bertiket (kawasan awam). Bagi kawasan bertiket, jumlah kedatangan pelancong mengikut pecahan bulan bermula pada tarikh pembukaannya ialah:

| | | |
|---------------|---|--------------|
| Februari 2008 | - | 74,133 orang |
| Mac 2008 | - | 33,548 orang |
| April 2008 | - | 16,388 orang |
| Mei 2008 | - | 35,762 orang |
| Jun 2008 | - | 14,943 orang |

Bagi keseluruhan Taman Tamadun Islam adalah dianggarkan berjumlah 1.75 juta orang. Anggaran ini adalah berdasarkan kepada rekod kemasukan ke Taman Monumen yang mencatat penerimaan kemasukan purata 10% dari jumlah ketibaan di Taman Islam.

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 DAN 14 OGOS 2008**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG**

SOALAN 1 : Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pekan Bukit Payong dengan aktiviti-aktiviti perniagaan dan ekonomi?

JAWAPAN : Pekan Bukit Payong adalah di antara pekan yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri. Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pekan Bukit Payong dengan aktiviti perniagaan dan ekonomi adalah sebagaimana di bawah:-

1. Rumah Kedai 20 unit Pekan Bukit Payong
2. Rumah Kedai 10 unit dua tingkat di lot 38 Bukit Payong
3. Gerai 2 unit Pekan Bukit Payong
4. Gerai 8 unit Pekan Bukit Payong
5. Pasar Hentian Segar Bukit Payong
6. Kiosk Perhentian Bas Bukit Payong
7. Bengkel Kejuruteraan Bukit Payong
8. Bangunan Cawangan Bukit Payong
9. Dewan Futsal Tertutup Bukit Payong
10. Usahasama Perkedaian dengan Pihak PMINT
11. Dewan Sivik MDM Bukit Payong

SOALAN 2 : Berapakah kos yang ditanggung oleh Pihak Kerajaan Negeri untuk Majlis Perasmian Pembukaan dan Majlis Perasmian Penutup Pertandingan SUKMA?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Nyatakan jumlah pelajar atau mahasiswa yang ditangkap dengan sebab kesalahan khalwat di Terengganu bermula 2004 hingga Jun 2008.

JAWAPAN : Jumlah tangkapan pelajar atau mahasiswa bagi kesalahan khalwat dari tahun 2004 hingga Jun 2008 ialah:-

| Tahun/ Daerah | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | Jun 2008 | Jumlah |
|--------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|---------------------|---------------|
| Kuala Terengganu | 26 | 51 | 65 | 50 | 16 | 208 |
| Kemaman | - | 6 | - | 1 | - | 7 |
| Dungun | 1 | 24 | 26 | 9 | 9 | 69 |
| Besut | - | 2 | 30 | 10 | 8 | 50 |
| Hulu Terengganu | 1 | 12 | 6 | 3 | 4 | 26 |
| Marang | - | 3 | 1 | 13 | - | 17 |
| Setiu | 10 | 13 | 20 | 9 | - | 52 |
| JUMLAH | 38 | 111 | 148 | 95 | 37 | 429 |

- SOALAN 4** : Berapakah kos yang ditanggung oleh pihak Kerajaan untuk mengadakan Karnival Terengganu 2008 di Batu Burok dan pekan budaya di setiap daerah?
- JAWAPAN** : Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk mengadakan Karnival Terengganu 2008 ialah sebanyak siling RM400,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Ribu Sahaja) dan kos yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengadakan program Pekan Budaya di setiap daerah ialah RM40,000.00 bagi satu daerah.
- SOALAN 5** : Berapakah nilai tanah dan bangunan Kolej Yayasan Terengganu Chendering yang perlu dibayar oleh UiTM?
- JAWAPAN** : Nilai tanah yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Terengganu ialah RM7,337,575.00. Manakala nilai bangunan ialah RM14,501,074.61. Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang kali ke-20 tahun 2007 memutuskan kadar premium tanah bagi tapak Institusi Pendidikan hanyalah RM1.00 selot. Kos penyerahan masih lagi di peringkat perbincangan antara Kerajaan Negeri dengan UiTM.

Dicetak oleh



Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu.

Tel: 09-666 8611/6652/8601

Faks: 09-666 0611/0063